# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 34 | RABU 22HB OGOS, 1979. | 1399 رابو 28 رمضان | PERCHUMA


# SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI

## ESTET2 PERUMAHAN SINGAPURA ANTARA YANG MENAREK MINAT ROMBONGAN BRUNEI

BERAKAS. — Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa serta Datin dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan telah pulang ka-tanah ayer sa-telah membuat lawatan lapan hari ka-Republik Singapura.

Yang Teramat Berhormat be-serta rombongan yang bertolak pada petang Jumaat, 10hb Ogos yang baru lalu telah di-sambut ketibaan-nya di-Singapura oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Masharakat Dr. Ahmad Mattar serta lain2 pegawai kanan Kerajaan di-Republik itu.



KETIBAAN YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM dan rombongan dengan menggunakan penerbangan RBA di-Lapangan Terbang Antara-bangsa Jumaat lepas.

Sa-masa lawatan di-Singapura, YTB Penasehat Umom dan rombongan telah membuat beberapa lawatan ka-beberapa buah pusat kejuruan dan meng-adakan perundingan dengan be-berapa buah kementerian dalam usaha meninjau dan memerhati ranchangan2 kemajuan yang tertentu di-Republik itu di-samping usaha untok mengeratkan lagi hubongan dua hala antara kedua buah negara.

Dalam lawatan hari ke-empat pada hari Isnin, 13hb Ogos, YTB Penasehat Umom dan rombongan telah membuat kunjongan ka-Institiut Kejuruan Bukit Merah dan Institiut Teknikal Singapura di-Circuit Road.

Terdahulu sa-belum lawatan tersebut rombongan Brunei itu telah juga membuat pertemuan dengan Pemangku Menteri Hal Ehwal Masharakat Dr. Ahmad Mattar di-pejabat menteri tersebut.

Dr. Ahmad Mattar ia-lah juga merupakan Menteri Bertanggong-jawab bagi Lembaga Kejuruan dan Latehan Perusahaan (VITB).

Sa-lepas mengadakan pertemuan dengan Dr Ahmad Mattar, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja dan rombongan telah juga membuat lawatan dan pertemuan dengan Pengarah Lembaga Latehan Kejuruan dan Perusahaan, Enchik Lim Jit Poh di-mana rombongan telah mendengar penerangan penoh mengenai lembaga itu dan sangat tertarek dalam banyak perkara yang di-kemukakan berhubong dengan lembaga tersebut.

Pada sa-belah malam-nya, YTB Pehin dan rombongan-nya telah di-raikan pula dalam satu majlis jamuan di-Hotel Oberoi Imperial oleh Dr. Ahmad Mattar.

Lihat muka 20

### MANIS-NYA IMAN

"JANGAN-LAH sa-orang pun di-antara sahabat2 saya yang suka menyampai-nyampaikan sa-suatu mengenai sa-seorang yang lain, kerana saya suka menemui kamu dengan saya ber-keadaan lapang dada." — HADITH Nabi riwayat Abu Daud dan Tarmizi daripada Ibnu Mas'ud.

## Sekim latehan sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan telah menubohkan satu badan yang di-panggil Jawatankuasa Sekim Latehan Sementara bagi penuntut2 PTE yang sudah mendudoki pepe-reksaan Perengkat 'A' dan bakal melanjutkan pelajaran ka-sebe-rang laut.

Jawatankuasa ini di-tubohkan dengan tujuan untok memberikan latehan bekerja sementara kapada penuntut2 PTE. Mereka akan di-tempatkan di-sektor2 swasta dan pejabat2 Kerajaan.

Oleh itu Jawatankuasa ini sangat2 mengharapkan kerjasama dari jabatan2 Kerajaan serta firma swasta di-negeri ini.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika menyampaikan hadiah kapada johan peraduan.

## Pertandingan membacha Al-Kor'an antara jabatan2 beruniform perlu di-teruskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berharap supaya usaha untok menjayakan pertandingan membacha Al-Kor'an antara jabatan2 kerajaan yang beruniform akan terus-menerus di-hidupkan.

Yang Teramat Mulia itu berharap demikian ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan membacha Al-Kor'an kali ketiga antara jabatan2 kerajaan yang beruniform yang telah di-langsongkan di-Dermaga Kastam Diraja Brunei di-sini pada hari Sabtu 18hb. Ogos yang lalu.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda bahawa dengan berbuat demikian kesan-nya akan dapat menambahkan semangat umat Islam di-negeri kita Brunei Darussalam ini untok mempelajari bachaan Al-Kor'an.

Yang Teramat Mulia juga menguchapkan tahniah dan penghargaan kapada jawatankuasa pertandingan membacha Al-Kor'an antara jabatan2 kerajaan yang beruniform yang berkerja dengan bersunggoh-sunggoh demi menjayakan pertandingan yang sa-umpama itu.

Lihat muka 20

## Melihat anak bulan Shawal

**BEBERAPA rombongan yang terdiri dari pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai dari Jabatan Ukor pada petang Khamis 23hb Ogos ini (esok) akan melakukan penglihatan anak bulan Shawal bagi menentukan permulaan hari raya puasa tahun ini.**

**Rombongan tersebut akan berada di-tiga tempat yang berasingan ia-itu, di-Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Belait. Jika anak bulan dapat di-lihat esok, ketentuan hari raya akan jatoh pada hari Jumaat, 24hb Ogos dan sa-balek-nya jika gagal hari raya akan bermula pada hari Sabtu, 25hb Ogos.**

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

22HB OGOS, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## MERAYAKAN KEJAYAAN

INSHA-ALLAH, akan kita hadapi-lah kejayaan kita sa-telah kita sempurna dan berjaya melaksanakan ibadah puasa di-bulan Ramadhan dan kita rayakan kejayaan kita itu pada 1 haribulan Shawal iaitu Hari Raya Aidil Fitri.

Di-sepanjang bulan Ramadhan yang di-dalam-nya di-wajibkan bagi kita umat Islam berpuasa telah kita jalani dengan penoh rasa bertanggong-jawab terhadap kesuchian ugama kita dan memberikan penghormatan yang sa-tinggi2-nya terhadap bulan yang berkat itu.

Kita, umat Islam di-negeri ini di-sepanjang melalui bulan yang mulia itu tetap utoh memegang dan mempertahankan kesuchian bulan Ramadhan itu dengan beberapa penghormatan yang tidak saja di-gemakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an di-majlis2 bertadarus dan juga gema jemaah2 bersembahyang tarawih, tetapi juga di-gemakan dengan petunjok2 bagi menanamkan semangat berugama itu lebeh mendalam lagi dalam linkongan kekeluargaan diri sendiri yang di-usahakan sa-chara kebijaksanaan sendiri2 dengan harapan agar anak-pinak akan tetap tegak berdiri sa-bagai anggota masharakat Islam yang bukan pada nama saja.

Ini-lah antara sikap yang sa-memang-nya di-sanjong tinggi dan harus di-jadikan pegangan di-kalangan anggota2 masharakat Islam negeri ini yang memang-nya sudah terkenal sejak sekian lama sa-bagai masharakat Brunei yang kuat pegangan berugama yang membawa erti bahawa Islam di-Brunei ada-lah tetap utoh, malah sa-makin kuat. Ini-lah antara chap yang mashhor yang di-berikan terhadap orang2 Brunei. Chap ini ternyata sa-makin kemilau dan gemerlap di-mana2 dengan berkat praktis-nya tanggong-jawab2 yang di-usahakan bersama oleh masharakat Islam sendiri dan penghormatan2 yang di-berikan oleh yang bukan Islam terhadap ugama rasmi negara ini.

Hari ini kita sudah berada *di-palikoran* akhir yang bererti hanya tinggal dua-tiga hari saja lagi kita akan menghadapi Hari Raya Aidil Fitri sama ada akan jatoh pada hari Jumaat atau Sabtu ini. Saperti yang biasa-nya di-anggap bahawa Hari Raya Aidil Fitri kita rayakan sa-bagai tanda kemenangan kita menempoh berbagai godaan hawa-nafsu ketika menjalani ibadah puasa di-bulan Ramadhan. Perkataan "hawa-nafsu" itu ada-lah membawa erti yang luas dari segi kehidupan yang melingkongi hidup kita sa-bagai manusia. Kita berjaya memerangi runtunan hawa-nafsu yang boleh membatalkan puasa kita itu dan kita berjaya mempraktikkan kehidupan yang di-tuntut oleh Allah untok kita melakukan-nya. Jadi, kita berjaya dan berupaya melakukan semua yang di-perlukan oleh ibadah puasa itu dan sudah barang tentu segala ajaran2 yang ada di-dalam-nya tidak pula sukar untok di-lakukan di-sepanjang menghadapi kehidupan kita.

Justeru, ada yang beranggapan bahawa sa-bagai merayakan kejayaan kita itu, Hari Raya Aidil Fitri ada-lah hari besar bagi kita dan hari ini-lah kita "ber-habis-habisan" menghadapi-nya. Malah di-zaman moden ini ada yang menganggap hari tersebut sa-bagai "hari bebas", bebas berbuat apa saja dan ibu-bapa "di-bebaskan" dari mengawal teruna-dara mereka. Demikian juga dalam hal2 yang lain, terutama-nya mengadakan persediaan2 menyambut hari raya di-lakukan sa-kehendak2 hati, hatta di-luar kemampuan yang akhir-nya akan menyusahkan diri sendiri. Bagi yang mampu pula, ada yang menggunakan kemampuan itu dengan chara2 yang terlampau menurutkan kesukaan hati sa-hingga tidak menghiraukan apa yang tidak patut kita lakukan saperti menyediakan minuman2 yang memabokkan dan sa-umpama-nya.

Perkara2 yang di-sebutkan di-atas ini-lah yang tidak kena dengan chara merayakan kejayaan kita itu, kerana kita di-tuntut supaya merayakan-nya sa-chara yang sederhana dan hendak-lah menjauhi perkara2 yang di-tegah dan berusaha menghindarkan diri dari terjebak kelembah kejahatan dan kesusahan.

Kita uchapkan selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan bathin, semoga Allah memberkati usaha kita yang berkebajikan yang kita lakukan sa-lama ini, kerana Allah jua.

*SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI*

## *HARI RAYA*

# BERTOLAK DARI LANDASAN YANG BETUL

KETIKA Nabi Muhammad s.a.w. sampai di-Madinah, Baginda mendapati pendudok2 asal-nya sudah sedia mempunyai dua hari kebesaran dalam satiap tahun. Pada hari2 itu-lah mereka bergembira dan berpesta ria. Menurut beberapa riwayat Baginda kemudian-nya telah memberitahu mereka bahwa Allah s.w.t. telah menukarkan hari2 kebesaran mereka itu dengan dua hari ya·· terlebeh baik, ia-itu-lah hari raya fitrah dan hari raya haji.

Dengan permashoran Baginda itu maka di-shari'atkan-lah hari raya: 'Aidil Fitri dan 'Aidil Adzha — kapada umat Islam. Dan sampai-lah ka-zaman kita sekarang kedua-dua hari raya itu telah menjadi hari kebesaran yang kita meriahkan.

Berlainan daripada tradisi hari raya orang2 Madinah sa-belum-nya itu, tradisi hari raya kita saperti yang di-fahamkan dari permashoran-nya oleh Rasulullah s.a.w. ada-lah mempunyai asas2 keugamaan. Ia bukan sa-larah2-nya di-tetapkan oleh Baginda, sa-balek-nya ia ada-lah di-korniakan oleh Allah.

### ASAS

Sa-kurang2-nya bokti tentang asas keugamaan bagi kedua-dua hari raya kita itu ia-lah: 'Aidil Fitri ada-lah berikutan daripada ibadat puasa bulan Ramadhan. 'Aidil Adzha pula ia-lah berikutan daripada ibadat haji. Kedua-dua puasa dan haji itu ada-lah terjumlah sa-bahagian rukun ugama yang lima.

### TAKBIR

Laungan dan gema takbir ada-lah di-antara perkara2 yang di-sunnatkan bagi memeriahkan hari raya. Ini sesuai sa-kali dengan maksud firman Allah: "*......dan hendak-lah kamu bertakbir atas apa yang telah di-hidayatkan-Nya kapada kamu dan supaya kamu bershukor.*"

Tidak shak lagi bahawa takbir itu di-gemakan bagi maksud menzahirkan shi'ar Islam serta memperingatkan orang lain akan nikmat kornia Allah ka-atas sekalian hamba-Nya.

Chuba kita hayati makna takbir itu:

*Allah Maha Besar*
*Tiada tuhan yang sabenar*
*melainkan Allah*

*Yang Maha Besar*
*dan Yang berhak di-puji.*

*Agongkan-lah Allah*
*sa-agong2-Nya*
*suchikan-lah Allah*
*pagi dan petang.*

*Tiada tuhan yang sabenar*
*melainkan Allah*

**"... lapang dada, sikap hormat menghormati serta tahukan harga silaturrahim itu ada-lah antara aspek2 ajaran ugama. Maka jika semua-nya itu kita lakukan dengan niat kerana Allah jua tentu-lah berhak mendapat penghargaan di-sisi Allah dan di-sisi sa-sama makhlok."**

*dan kita tidak beribadat*
*melainkan kapada-Nya*
*dengan tulus —*

*berugama kapada-Nya*
*sa-kali pun di-benchi*
*oleh orang2 yang tidak perchaya.*

*Tidak tuhan yang sabenar*
*melainkan Allah*

*Yang Maha Esa*
*Yang menepati janji-Nya*

*Yang memenangkan —*
*pejuang2-Nya*
*lantas —*

*menewaskan musoh*
*yang berpakatan jahat.*
*Tiada tuhan yang sabenar*

*melainkan Allah*
*Yang Maha Besar*
*dan Yang berhak di-puji.*

### PERASAAN BERGETAR

Tentu-lah hati perasaan kita bergetar dalam gema takbir itu. Getaran-nya itu oleh banyak sebab. Yang penting di-antara-nya ia-lah kita di-gamit2 oleh perasaan rawan mengenang banyak perkara. Dan rupa-nya dalam rawan itu kita berkeinsafan. Sa-makin di-hayati sa-makin insaf-lah kita bahawa kita ini tidak lebeh hanya hamba Allah!

Lalu segala pengalaman dan juga kenangan, pahit dan manis-nya menjadi ukoran akan batas keupayaan kita selaku makhlok yang serba lemah dan lagi serba kurang. Kita tidak berupaya menandingi — apa lagi untok mengatasi kesempurnaan Allah s.w.t.

Maka dalam getar perasaan yang menyiratkan kesimpulan sa-demikian itu kita merayakan hari raya. Mungkin kenyataan-nya lain apabila kita bertolak dari lain landasan. Lalu akan terjadi-lah, umpama-nya, hari raya sa-takat hari gembira ria — sama saperti hari gembira ria orang2 Madinah sa-belum Nabi s.a.w. mengistiharkan gantian-nya itu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin ada-lah di-antara beribu2 umat Islam dan Kerabat Diraja yang berkesempatan menunaikan sembahyang hari raya tahun lalu. Kelihatan dalam gambar DYTM itu ketika di-ziarahi oleh umat Islam sa-telah selesai menunaikan sembahyang di-Masjid Omar Ali Saifuddin, ibu negeri.

### TAHNIAH

Kita sa-benar-nya boleh meneruskan bertolak daripada landasan yang betul. Umpama-nya, kita merayakan dengan masing2 murah hati menguchapkan tahniah selamat. Itu tanda-nya kita berlapang dada terhadap sa-sama sendiri.

Kita sertai lagi dengan uchapan manis memohon memberi maaf zahir bathin. Itu tanda-nya kita bersikap hormat-menghormati.

Kita kunjong-mengunjong dengan riang. Itu tanda-nya kita menghargakan erti silaturrahim.

Semua itu: lapang dada, sikap hormat menghormati serta tahukan harga silaturrahim itu ada-lah antara aspek2 ajaran ugama. Maka jika semua-nya itu kita lakukan dengan niat kerana Allah jua tentu-lah berhak mendapat penghargaan di-sisi Allah dan di-sisi sesama makhlok.

### HIBORAN

Kita merayakan dengan berhibor. Memang-lah wajar bagi melengkapkan ertikata bersuka ria. Soal-nya berhibor dengan apa dan chara apa?

Jangan lupa: orang2 Madinah sa-belum-nya telah sedia dengan hari kebesaran di-mana mereka bergembira dan berpesta ria di-dalam-nya. Tetapi Rasulullah s.a.w. kemudian mengishtiharkan ganti-nya dengan hari raya yang kita warithi sekarang. Tentu-lah ada yang tidak kena dan tidak betul pada hari raya orang2 Madinah itu. Dan sa-memang-nya begitu, mereka berhari raya bersuka ria sa-takat berhibor!

Maka gantian-nya yang di-ishtiharkan oleh Baginda itu tentu-lah di-maksudkan bagi memberikan chorak, chara serta bentok kemeriahan yang terlebeh baik. Dan sa-memang-nya benar begitu, Nabi s.a.w. sendiri ada mengisharatkan supaya hiboran merayakan hari raya itu jangan terkeluar dari batas2 hukum Allah.

Tanpa batas2 itu tentu-lah akan sama saja chorak, chara serta bentok hari raya itu dengan hari2 raya orang lain — yang tentu-nya kita di-ingatkan jangan terikut-ikut. Sebab itu-lah Baginda Rasulullah s.a.w. memberitahu pendudok2 Madinah kira2 sa-ribu tiga ratus sembilan puloh tujoh tahun dahulu bahawa Allah s.w.t. telah menggantikan dua hari kebesaran mereka itu dengan dua hari yang terlebeh baik: 'Aidil Fitri dan 'Aidil Adzha. Terlebeh baik itu tentu pada chorak, chara serta bentok-nya yang terlepas dari maksiat dan munkarat!

SELAMAT HARI RAYA.

# ZAKAT FITRAH

# Kutipan dan Pembahagian-nya



BERTEMPAT di-Masjid Omar Ali Saifuddin, di-ibu negeri, kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin (paling kanan) sedang menerima zakat fitrah.

## Majlis Ugama Islam yang di-lantek oleh Kebawah DYMM, ada-lah berhak memungut Zakat dan Fitrah itu sa-chara tegas menurut undang2

**DALAM keluaran Pelita Brunei pada 8hb Ogos, 1979 yang lalu kita telah sama2 mengikuti satu senarai nama2 Amil (Pemungut zakat fitrah) dan tempat2 membayar zakat fitrah di-seluroh negeri untok menyenangkan umat Islam di-negeri ini mengeluarkan zakat fitrah itu. Kadar zakat fitrah yang wajib di-bayar oleh semua umat Islam di-negeri ini samada tua atau muda, kechil atau besar dan lelaki atau perempuan bagi tahun 1399 (1979 Masehi) ini ada-lah saperti berikut: $\$1.87\frac{1}{2}$ bagi orang2 yang tinggal di-Daerah Brunei; $\$1.90\frac{5}{8}$ bagi kawasan2 Muara dan Daerah Tutong. Bagi kawasan2 Seria, Belait dan Temburong $\$1.93\frac{3}{4}$ (bersamaan dengan kadar sa-banyak 3 kati 12 tahil beras atau di-keluarkan wang yang sama dengan harga beras).**

Zakat Fitrah itu wajib di-bayar mulai malam raya hingga Imam mendirikan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri. Dalam pada itu, ada-lah harus zakat fitrah itu di-keluarkan sa-belum waktu tersebut ia-itu dari awal bulan Ramadhan bagi mengelakkan kesibokan pada malam hari raya itu.

Tapi, perlu-lah di-ingat jangan sampai pula mengeluarkan zakat fitrah itu sa-telah selesai sembahyang raya, kerana yang sedemikian itu tidak lagi di-kira sa-bagai zakat fitrah sebab Rasulullah s.a.w. "memfardhukan zakat fitrah menjadi pemberseh orang yang berpuasa daripada kesilapan dan terlanggar hukom, serta menjadi makanan kapada orang2 miskin.

Siapa yang mengeluarkan-nya sa-belum sembahyang maka itu ada-lah zakat yang di-terima. Sedangkan siapa yang mengeluarkan-nya sa-sudah sembahyang maka itu ada-lah sedekah biasa sahaja."

### KELAZIMAN

Sa-bagai suatu ristaan, kelaziman orang2 tua kita pada zaman dahulu dan mungkin juga ada di-antara kita sekarang ini yang maseh mendapati atau ingat bahawa pemberian zakat fitrah itu biasa-nya di-berikan kapada guru mengaji, anak yatim, pak2 haji, bidan2, pengangun, atau orang2 tua yang tinggal di-kampong tempat sa-seorang mengeluarkan zakat fitrah itu atau yang agak berjauhan sedikit. Kerana mengikut keperchayaan, konon-nya bahawa orang2 yang di-beri zakat fitrah itu orang yang *sa-rasi* dengan diri sa-seorang yang mengeluarkan fitrah itu saperti yang berfitrah akan sentiasa sehat-afiat sa-panjang tahun. Jika ia-nya tidak *sa-rasi* di-ubah pula pembayaran zakat fitrah itu kapada orang lain dan seumpama-nya.

Di-sini benar sa-seorang Islam itu di-benarkan ia mengeluarkan zakat fitrah kapada orang yang di-pandang-nya berhak dalam hukom zakat, ini tidak salah dan boleh serta di-haruskan dalam Islam. Tetapi ada perkara yang patut di-ingat ia-itu perkara2 ini selalu-nya menjadi puncha kesalahan dalam mengeluarkan zakat dan fitrah. Apa-kah benar orang2 yang di-berikan zakat fitrah itu orang2 yang benar2 berhak menurut firman Allah yang termasok salah satu di-antara yang lapan *Asnaf*? Kerana tidak semua orang Islam yang faham akan 8 jenis orang yang berhak itu bahkan ada pula orang yang mengeluarkan-nya kapada bukan orang yang lapan itu saperti anak yatim, guru mengaji, orang2 tua, bidan2, pengangun dan penerima zakat yang lain.

Oleh itu perkara kelaziman atau kebiasaan atau tradisi yang bertentangan dengan ajaran Islam atau berchanggah dengan hukom2 dalam Islam itu patut-lah kita betulkan dan supaya kesilapan2 kita itu tidak akan berterusan sa-lama-lama-nya.

Dalam sa-buah kampong kebiasaan-nya banyak orang2 yang berhak menerima zakat fitrah, tetapi oleh kerana orang itu tidak di-daftarkan maka tidak semua orang2 dalam kampong itu tahu akan orang2 yang berhak, demikian juga kadang2 orang memberikan zakat fitrah-nya kapada orang2 lain di-luar tempat tinggal-nya oleh kerana ia suka atau chenderong hati-nya atau oleh kerana dalam kampong itu ia tidak mahu memberikan fitrah-nya. Jadi kadang2 dalam suatu tempat itu ada orang berhak menerima fitrah atau zakat maka mereka tidak dapat menerima-nya sedangkan ada orang2 lain pula menerima-nya terlalu banyak. Perkara ini juga menimbulkan kesalahan pada hukom memindah zakat fitrah dengan tidak izin Sultan atau Kerajaan atau tidak ada sama rata dalam pembahagian dengan sebab itu-lah ia-nya lebeh sempurna di-uruskan oleh yang bertanggong-jawab untok menguruskan pembahagian dan pengutipan-nya itu dapat sama di-terima oleh pehak yang berhak samada tidak di-sukai oleh orang atau di-sukai.

### DI-KUAT KUASA

Sekarang mari-lah kita sama2 meneliti chara kerja2 zakat dan fitrah dari segi undang2 negeri bagaimana kerja2 tersebut telah dan sedang di-uruskan begitu terator dengan sempurna-nya. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menguatkuasakan Bab I Cheraian (2) dari Undang2 Ugama Islam dan Mahkamah2 Kadhi tahun 1955 mengandongi sharat2 dan kuasa2 bagi di-jalankan pemungutan zakat dan fitrah di-Negeri Brunei.

Kuat-kuasa undang2 itu berjalan mulai pada 11haribulan Shawal, 1389 bersamaan dengan 1 haribulan Januari, 1969. Dengan kuat kuasa ini maka Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah memindahkan kuasa memungut zakat dan fitrah itu kapada Majlis Ugama Islam Negeri Brunei. Dan mulai tahun itu dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kuat-kuasa undang2 tersebut pengurusan hal ehwal zakat dan fitrah di-uruskan hingga pada tahun 1971 baharu-lah kerja2 pengutipan dan pembahagian-nya di-lancharkan hingga sekarang. Kutipan bagi tahun 1971 hingga tahun 1978 ada-lah saperti yang di-tunjokkan dalam data sa-bagai pengetahuan kita bersama moga2 akan mendatangkan kebajikan jua. Kita sama2 berharap semoga kutipan zakat dan fitrah pada tahun 1979 ini akan lebeh baik dari tahun yang sudah2.

### PELAKSANAAN

Bertolak dari tahun 1969, dengan kuat kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang telah memindahkan kuasa memungut zakat dan fitrah itu kapada Majlis Ugama Islam Negeri Brunei, yang telah membuat kerja2 penyusunan. Pekerjaan dan perbelanjaan menguruskan zakat dan fitrah ini ada-lah ba nyak dan berat supaya terjamin bahawa semua oran yang terkena zakat dan fitrah akan mengeluarkan-nya dengan tidak ada apa2 halangan. Bagi menjalankan kerja2 tersebut, Majlis Ugama Islam telah melantek Amil (Pemungut) zakat dan fitrah dalam satu2 kawasan atau kampong bagi menjadi wakil Majlis menerima pungutan zakat dan fitrah yang juga akan membahagi-bahagikan-nya kapada orang2 yang berhak di-kawasan atau kampong yang mereka wakili itu.

Patut di-ketahui sa-waktu mendaftar diri hendak-lah dengan betul dan berpatutan, jangan-lah hendak-nya mengurangkan jumlah kalau terkena zakat dan jangan-lah pula melebehi-nya kalau mendaftarkan diri bagi menerima zakat. Kerana hasil kutipan zakat ada-lah hak bagi semua orang yang berhak menerima-nya dan juga hak Allah.

### PENERIMA ZAKAT FITRAH

"... mungkin sa-seorang itu akan mendapati ada di-antara fitrah yang di-keluarkan-nya pada masa dahulu tidak betul oleh sebab kurang pengetahuan. Pada masa ini dengan ada-nya Majlis Ugama Islam mengutip dan membahagi maka pengeluaran yang tidak betul itu tidak patut akan berlaku lagi."

Berikut ia-lah orang2 yang berhak menerima zakat dan fitrah: —

1. ORANG FAKIR: Ia-lah orang yang papa yang tidak mempunyai apa2 mata pencharian atau harta, atau orang yang tidak boleh mengadakan sa-tengah daripada keperluan untok nafkah-nya dan nafkah orang2 yang di-bawah tanggongan-nya.

2. ORANG MISKIN: Orang yang melarat yang sunggoh pun mempunyai sedikit harta atau mata pencharian, tetapi chuma dapat mengadakan lebeh sedikit daripada keperluan nafkah-nya dan orang yang di-bawah tanggongan-nya.

3. AMIL: (Pemungut zakat) orang yang bertugas untok mengendalikan zakat dan fitrah, saperti imam atau siapa2 yang di-lantek untok kerja2 itu.

4. MUALAF: Ia-itu orang yang baharu masok Islam dan iman-nya maseh lemah.

5. PENANGGONG HUTANG: Ia-itu orang2 yang berhutang sa-chara yang di-luluskan oleh hukom shara'.

6. IBNI SABIL: Ia-itu orang2 yang merantau dengan tujuan kebajikan yang berkehendakan pertolongan.

7 dan 8 HAMBA dan TENTERA BERJUANG SABILILLAH: Kedua-nya ini tidak terdapat dalam negeri kita Brunei ini pada masa sekarang, oleh sebab itu maka zakat dan fitrah hanya di-bahagikan kapada enam jenis asnaf yang ada di-dalam negeri kita.




INI ia-lah data jumlah kutipan zakat fitrah dari tahun 1971 (tahun pertama zakat fitrah di-kutip oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui Amil2 yang di-lantek oleh Majlis tersebut) hingga tahun 1978.

## Sedekah yang ikhlas di-terima oleh Allah sa-bagai satu amalan kebajikan . . .

# TABONG DERMA ANAK2 YATIM UNTOK MENAMPONG ANAK2 YATIM BERHARI RAYA

**(Renchana ini di-sediakan oleh Setia Usaha, Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, Pg Haji Abbas bin Pg Haji Besar).**

PENGENALAN

Tabong Derma Anak2 Yatim ini di-tubohkan sa-bagai salah satu bahagian badan kebajikan yang di-kelolakan oleh Persatuan Islam Negeri Brunei kira2 dalam tahun 50an yang ber-tujuan bagi memberi der-ma2 menyambut Hari Raya Aidil Fitri kapada anak2 yatim, derma kapada pe-sakit2 di-rumah sakit dan orang2 banduan di-penjara Jerudong. Aktibiti ini ber-jalan sejak ia-nya di-tuboh-kan hingga-lah pada ketika ini kechuali pemberian derma kapada pesakit dan orang2 banduan di-berhen-tikan sejak tiga tahun yang sudah di-sebabkan bebera-pa masaalah yang di-alami oleh badan ini.

Badan ini di-pengerusi-kan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamalu-ddin Al-Haj serta di-anggo-tai oleh beberapa orang pegawai Kerajaan. Alham-dulillah, dengan usaha yang gigih serta dengan berkat kerjasama mashara-kat di-Negeri Brunei yang terkenal dengan pemurah hati dan bertimbang rasa, maka badan ini telah dapat berjalan dengan baik hingga-lah pada masa ini.

Sa-lain daripada usaha dengan mengadakan per-tunjokan2 amal dan lain2, badan ini juga mendapat-kan sumber kewangan-nya dari beberapa aspek derma dari orang2 perseorangan, persatuan, sharikat2 per-niagaan, badan2 amal, kumpolan peniaga2 kechil, kutipan dari tabong di-Masjid Omar Ali Saifuddin dan bantuan tahunan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sa-banyak $500.00 sa-tahun.

KEWANGAN KEKAL

Pada masa ini Tabong Derma Anak2 Yatim Dae-rah Brunei/Muara ini mempunyai simpanan ke-kal sa-banyak $20,000.00 bagi membiayai projek jangka panjang bagi men-dapatkan sa-bidang tanah dan membangun sa-buah rumah Kebajikan Anak2 Yatim. Insha Allah, projek tersebut akan dapat di-laksanakan sa-chara ber-perengkat-perengkat me-nurut keupayaan badan ini serta dengan berkat bantu-an dari orang ramai ter-utama pada menambah lagi simpanan itu.

DERMA HARI RAYA

Pemberian derma wang sa-banyak $10.00 sa-orang kapada anak2 yatim yang berumor 14 tahun ka-bawah bukan-lah bererti bagi memberikan kegem-biraan sa-penoh-nya ka-pada mereka itu, akan tetapi ia-nya ada-lah sa-bagai menampong sedikit sa-banyak kapada anak2 yatim dalam menghadapi hari yang mulia ia-itu Hari Raya Aidil Fitri yang juga dapat di-ertikan sa-bagai sumbangseh dan simpati masharakat pada mengingati nasib mereka itu yang akan menjadi raayat yang berguna pada masa akan datang.

Bagi anak2 yatim pula harus-lah mereka itu men-yedari bahawa mereka itu tidak di-lupakan oleh masharakat-nya sendiri lebeh2 lagi Kerajaan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia melalui berbagai usaha dari Jabatan Kebaji-kan, Belia dan Sokan, yang telah mengelolakan ber-bagai projek demi untok kebajikan raayat dan pen-dudok di-negeri ini.

Sa-banyak lebeh 700 orang anak2 yatim di-Daerah Brunei/Muara ini telah menerima derma ter-sebut mulai pada hari Sabtu 18hb Ogos, 1979, melalui Penolong Setia Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei/Muara, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit, di-Pejabat Penchen2 Negara Brunei.

Jumlah anak2 yatim yang menerima derma itu dari sa-tahun ka-setahun ada-lah sentiasa meningkat, ia-itu berbanding dengan angka chatetan jawatan-kuasa badan ini pada tahun 1965 hanya sa-banyak 300 orang anak2 yatim di-Dae-rah Brunei/Muara yang di-berikan derma tersebut.

RAYUAN KAPADA ORANG RAMAI

Badan Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Ya-tim Daerah Brunei/Muara mengharapkan sangat ka-pada seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini, supaya akan tampil ka-hadapan untok menyum-bangkan sedikit kewangan sa-berapa yang ikhlas bagi tujuan yang berkebajikan ini. Mudah2an Allah akan sentiasa memberkati sa-barang amalan kebajikan kita di-bulan yang mulia ini dan derma yang kita sumbangkan kerana ini ada-lah merupakan sede-kah yang ikhlas dan se-moga ia-nya akan di-terima oleh Allah.



**SETIA Usaha Tabong Derma Anak2 Yatim Brunei Muara (kiri) ketika menerima derma dari sa-orang penderma.**

*" . . . semoga kamu bershukor."*

## SELAMAT HARI RAYA

ALHAMDULILLAH. Selesai berpuasa maka akan berhari raya-lah awda.

Hari gembira, dan awda jangan lupa ma-seh berpeluang untok mendapat pahala. An-tara-nya dengan: —

★ Bertakbir mulai dari malam raya, sama ada di-rumah, di-jalan dan di-masjid. Lafaz-nya:

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
لا اله الا الله والله اكبر
الله اكبر ولله الحمد
الله اكبر كبيرا والحمد لله كثيرا
وسبحان الله بكرة واصيلا
لا اله الا الله ولا نعبد الا اياه
مخلصين له الدين ولو كره الكافرون
لا اله الا الله وحده صدق وعده
ونصر عبده واعز جنده
وهزم الاحزاب وحده
لا اله الا الله والله اكبر
الله اكبر ولله الحمد

★ Berbuat perkara2 yang selaras dengan ketaatan kapada Allah saperti bersede-kah, melapangkan hati anak isteri/suami dan kaum keluarga.

★ Bersembahyang hari raya berjemaah dengan niat sembahyang hari raya fit-rah dua raka'at sunnat mengikut imam kerana Allah. Lafaz niat-nya:

أصلي سنة عيد الفطر ركعتين مأموما لله تعالى.

Dan sa-belum pergi sembahyang itu elok-lah: —

★ Mandi pagi dengan niat mandi hari raya kerana Allah

★ Memotong kuku dan menyikat rambut serta memakai bau-bauan

★ Memakai pakaian yang elok serta berseh

★ Bersarapan.

Ya! Awda bergembira berhari raya sambil mendapat pahala. Ma'af zahir batin. Semoga kita sama2 di-rahmati Allah dengan usia yang panjang, sehat badan, murah rezeki sa-hingga ka-tahun hadapan bagi berpuasa dan berhari raya lagi. Amin!

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut: —

| JENIS BARANG2 | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| Planta Margarine — | 250 gms. | $ 1.25 |
| | 500 gm. | 2.30 |
| | 1 kg. | 4.25 |
| | 2.5 kg. | 9.50 |
| | 18 kg. | 49.50 |
| Daisy Margarine — | 10 ozs. | 1.00 |
| | 1 lb. | 1.50 |
| | 2 lbs. | 2.75 |
| | 5 lbs. | 6.40 |
| | 35 lbs. | 33.00 |
| Axe Brand Margarine — | 35 lbs. | 32.00 |
| COOKING OIL: | | |
| a) Tiger Cooking Oil — | 2 kg. | 7.15 |
| | 3 kg. | 10.80 |
| | 5 kg. | 16.50 |
| | 17 kg. | 49.00 |
| | 4 katis | 7.95 |
| | 6 lbs. | 8.95 |
| | 8 katis | 15.20 |
| | 28 katis | 48.20 |
| b) Six Crown Cooking Oil — | 2 kg. | 7.15 |
| | 3 kg. | 10.80 |
| | 5 kg. | 16.50 |
| | 17 kg. | 49.00 |
| c) Flora Cooking Oil — | 3 kg. | 18.70 |
| C & B Custard | | |

| JENIS BARANG2 | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| Powder — | 454 gms. | 2.50 |
| | 500 gms. | 2.85 |
| TAIKOO SUGAR: | | |
| Taikoo Icing Sugar — | 1 lb. | 1.20 |
| Taikoo Cube Sugar — | 1 lb. | 1.20 |
| Taikoo Caster Sugar — | 1 lb. | 1.10 |
| Taikoo Granulated Sugar — | 1 lb. | 1.00 |
| | 2 lbs. | 2.00 |
| | 5 lbs. | 5.00 |
| "BLUE DIAMOND" SHELLED ALMONDS: | | |
| Whole Natural (6 ozs.) | | 2.30 |
| Roasted Salted Diced (5½ ozs.) | | 2.25 |
| Roasted Blanched Silvered (5½ ozs.) | | 2.55 |
| Cheese (6 ozs) | | 2.30 |
| Barbecue (6 ozs.) | | 2.30 |
| Smokehouse (6 ozs.) | | 2.30 |
| Onion/Garlic (6 ozs.) | | 2.30 |
| Blanched, Salted (6 ozs.) | | 2.50 |
| Roasted, Salted (6 ozs.) | | 2.30 |
| Cashew Nuts (150 gms.) | | 4.25 |
| Cocktails Peanuts (150 gms.) | | 2.30 |
| Mixed Nuts (150 gms.) | | 3.05 |
| Table Water Packets (200 gms.) | | 1.85 |
| Butter Cookies (Royal Dansk Brand) | | |

| | | |
|---|---|---|
| — | 1 lb. | 5.50 |
| | 22 ozs. | 9.00 |
| | 2 lbs. | 11.00 |
| Falcon Brand Processed Cheddar, Cheese — | 8 ozs. | 1.70 |
| Falcon Brand Salted Tined Butter — | 16 ozs. | 3.15 |
| LIPTON — BERRY JAMS: | | |
| Berry's Apple — | 1 lb. | 2.00 |
| ,, Apricot — | 1 lb. | 2.00 |
| ,, Pineapple — | 1 lb. | 2.00 |
| ,, Mixed Fruits — | 1 lb. | 2.00 |
| ,, Orange Marmalade — | 1 lb. | 2.00 |
| ,, Raspberry | 1 lb. | 2.20 |
| ,, Strawberry — | 1 lb. | 2.20 |
| HELLERS CANDIES: | | |
| Sour Fruit Drops — | 9 ozs. | 2.00 |
| Butter Scotch Buttons — | 9 ozs. | 2.00 |
| Ice Blue Mints — | 9 ozs. | 2.00 |
| Sour Orange Slices — | 9 ozs. | 2.00 |
| Sour Lemon Slices — | 9 ozs. | 2.00 |
| Sour Lime Slices — | 9 ozs. | 2.00 |
| Fld. Sour Berries — | 9 ozs. | 2.00 |
| Mint. Molasses — | 9 ozs. | 2.00 |
| Hard and Filled — | 9 ozs. | 2.00 |
| Sour Balls — | 8 ozs. | 2.00 |
| Root Beer Balls — | 8 ozs. | 2.00 |
| Spermint Balls — | 8 ozs. | 2.00 |
| Coffee Deluxe — | 5 ozs. | 2.00 |
| Peanut Pillows — | 8 ozs. | 2.00 |
| Fld. Choc. Straws — | 8 ozs. | 2.00 |

| | | |
|---|---|---|
| PEEK FREAN BISCUITS: | | |
| A/Noon Tea Asst. — | 7 ozs. | 1.80 |
| Asst. Creams — | 7 ozs. | 1.80 |
| Start Asst. — | 7 ozs. | 1.80 |
| Bourbon — | 6 ozs. | 1.50 |
| Custard Cream — | 7 ozs. | 1.50 |
| Digestive — | 5¼ ozs. | 1.40 |
| Nice — | 6¼ ozs. | 1.40 |
| Ginger Biscuit — | 6 ozs | 1.40 |
| Short Cake — | 6¼ ozs. | 1.70 |
| Vita-Weat — | 5¾ ozs. | 1.50 |
| Rye C/Bread — | 5¾ ozs. | 1.50 |
| Twiglets — | 2¾ ozs. | 1.50 |
| Cheeselets — | 2¾ ozs. | 1.40 |

Orang ramai ada-lah di-harap memberi-kan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon 25555, Yunit Peran-chang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kera-jaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebut di-atas bagi penyiasatan sa-lan-jut-nya.

### *"PEMBETULAN"*

COFFEE POWDER (BIRD BRAND) dan AJI NO-MOTO sa-bagaimana yang di-chatet-kan dalam Pelita Brunei keluaran minggu lepas 15hb Ogos, 1979 ada-lah di-betulkan kapada: —

10 tahil — $6.80
5 tahil — 3.40
2½ tahil — 1.70

Manakala AJI NO-MOTO berat 400 gms. — $2.10 sa-bungkus bukan-nya $1.90.

# Melaksanakan tanggong-jawab serta mengamalkan hukum2 Ugama Islam

Sa-tiap diri orang Islam, lelaki dan perempuan, akan mula bertanggong-jawab sejak mereka mengalami akil baligh. Pada ghalib-nya, ia-lah dari umor 15 tahun bagi lelaki dan kurang sedikit bagi perempuan.

Dalam istilah hukum Shara', orang yang masok akil baligh itu juga di-panggil mukallaf, yang bermakna bertanggong-jawab atau di-pertanggong-jawabkan. Jadi, orang Islam, manakala telah sampai kapada taraf mukallaf itu, tidak-lah ia terlepas dari garis2 hukum yang lima, ia-itu: Wajib, Sunnat, Haram, Makroh dan Harus.

1. Wajib, erti-nya perkara yang tidak boleh tidak mesti di-laksanakan, meninggalkan-nya ada-lah salah dan berdosa.

2. Sunnat, erti-nya perkara2 yang di-galakkan melakukan-nya, manakala di-buat mendapat pahala dan jika di-tinggalkan tidak berdosa.

3. Haram, erti-nya perkara sama sa-kali di-larang tidak boleh di-lakukan. Manakala di-buat menjadi kesalahan dan berdosa.

4. Makroh, erti-nya perkara yang di-galakkan supaya kita meninggalkan-nya.

5. Harus, erti-nya perkara yang kita di-beri kebebasan memileh, samada ingin melakukan-nya atau tidak.

Demikian-lah lima garis panduan hukum yang berjalan bagi tiap2 orang Islam yang mukallaf. Ia-nya bukan sahaja terbatas kapada perkara2 sembahyang, puasa, haji dan zakat, tetapi meliputi soal2 hidup dunia dan akhirat, ia merangkum semua hukum2 ibadat, munakahat, jenayat dan mu'amalat, yang dalam istilah sekarang di-sebut sabagai hukum bermasharakat dan bernegara.

Perintah2 Allah wujud dalam hukum2 ibadat, maka demikian juga perintah-Nya itu berlaku dalam kehidupan bernegara dan bermasharakat, di-mana sa-tiap muslim yang mukallaf mempunyai kewajipan atau tanggong-jawab melaksanakan-nya.

Semua orang tidak ada yang terkechuali. Tidak siapa pun boleh melepaskan diri dari memikul tanggong-jawab besar ini. Tidak ada orang yang di-beri hak istemewa dalam menjalankan perintah2 Allah, sa-makin tinggi taraf kedudokan sa-orang, sa-makin tundok kepala dan hati-nya kapada Allah, saperti yang sudah di-boktikan oleh kehidupan Nabi2 dan para sahabat besar, para aula dan orang2 saleh. Dan demikian juga sa-balek-nya, orang2 yang berpangkat muttaqin, walaupun ia rendah dan miskin hatta sa-orang hamba sahaya, tetapi hati-nya tegoh kapada ugama, ta'at dan takwa-nya melebehi tuan-nya, maka itu-lah dia orang yang sa-benar2-nya mempunyai kedudokan di-sisi Allah s.w.t. sa-bagaimana Al-kor'an menegaskan dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 yang bererti: *"Sa-sunggoh-nya orang yang paling mulia di-antara kamu di-sisi Allah ia-lah yang lebeh takwa-nya"*.

Tugas melaksanakan kewajipan ini, menurut ajaran Islam mesti-lah bermula dari diri sendiri, keluarga dan kemudian baharu-lah kapada orang lain. Firman Allah Ta'ala Surah At-Tahrim ayat 6 yang bererti: *"Pelihara-lah diri kamu dan ahli keluarga kamu dari api neraka"*.

Demikian-lah penting-nya tugas terhadap diri sendiri dan keluarga itu, kerana ia akan menjadi chontoh ikutan kapada orang lain. Dan sa-lain itu, tujuan Islam menyuroh memerhatikan diri dan keluarga kita terlebeh dahulu itu, ia-lah sa-bagai galakan bagi sa-tiap orang terus berusaha memperbaiki kechachatan2 atau kekurangan2 diri-nya pada sa-tiap masa dan ketika, kerana bila ini berlaku, maka dengan sendiri-




nya masharakat itu menjadi terurus dan berdisiplin baik, tidak-lah banyak kejahatan dan tenteram-lah negara.

Maka ini-lah yang benar2 kita harapkan, mudah2an sa-tiap kita, lebeh2 lagi yang sudah akil baligh yakni mukallaf akan menjalankan konsep bertanggong-jawab serta mengamalkan hukum2 ugama kita yang suchi, yang faedah-nya bukan sahaja terpulang kapada diri kita sendiri, bahkan juga kapada negara dan seluroh umat Islam.

## Hari Raya hari kegembiraan dan keshukoran

HARI ini kita sedang berada dalam suasana Hari Raya Aidil Fitri yang di-sambut dengan penoh perasaan kegembiraan dan keshukoran. Gembira kerana berjaya mengendalikan diri dari tuntonan hawa nafsu pada perkara2 yang merosakkan ibadat puasa, shukor di-atas rezeki pemberian Allah s.w.t. yang dapat kita nekmati sa-panjang masa.

Begitu-lah sa-telah kira2 sa-bulan lama-nya umat Islam berpuasa di-bulan Ramadhan; menahan diri dari makan dan minum di-siang hari, menahan diri dari melakukan perkara2 keji dan mungkar yang merugikan diri sendiri. Sebab itu-lah bulan Ramadhan di-anggap bulan yang mulia dan penoh rahmat. Kerana dalam bulan ini sa-tiap tahun umat Islam berjuang melawan hawa nafsu dengan menahan diri dari kebebasan makan dan minum di-siang hari serta berbuat perkara2 yang di-anggap boleh merosakkan kesuchian ibadat puasa itu.

Sebab itu-lah bagi umat Islam yang benar2 mengerjakan ibadat puasa itu dengan khusu' dan penoh keinsafan. Hari Raya Fitrah ini ada-lah hari yang paling meriah, bahagia dan gembira yang kedatangan-nya di-nanti-nantikan. Hari ini Tuhan mengharamkan hamba2-nya berpuasa, bahkan Ia membuka peluang untok menekmati rezeki-nya sa-puas2-nya asalkan tidak merosakkan nilai2 ke-Islaman sa-seorang itu. Maka hari ini sesuai benar-lah kita bergembira.

Tetapi bagi sa-orang muslim yang tidak berpuasa tanpa sa-barang keuzoran apa-kah yang hendak mereka banggakan dan rayakan?

Sedangkan hari raya ini ada-lah nekmat untok orang yang berpuasa dan hikmat berpuasa itu banyak

## Bingkisan minggu ini

menanamkan pengajaran dan unsor2 kejiwaan dan kemasharakataan yang melahirkan kesedaran sa-bagai hamba kapada Allah s.w.t.

Sebab itu-lah takbir raya bukan di-buka dengan majlis tari-menari. Tetapi di-mulai dengan takbir dan tahmid memuji kebesaran Ilahi yang maha berkuasa lagi mengetahui. Di-ikuti pula dengan menunaikan sembahyang sunnat hari raya berjemaah di-sa-belah pagi-nya. Di-sini kita dapat satu gambaran yang jelas bahawa Islam itu sentiasa menggalakan umat-nya bersatu-padu dan bersefahaman sa-sama sa-ugama.

Dalam berpuasa kita sama2 merasakan bagaimana penderitaan mereka yang hidup-nya kurang bernasib baik dan melarat. Begitu juga untok menghidupkan dan memeriahkan lagi hari yang mulia ini agar semua lapisan masharakat Islam sama2 dapat menekmati kegembiraan di-hari raya itu, Islam menyediakan sistem zakat dan fitrah, di-mana sa-tiap umat Islam yang terdaya di-minta mengeluarkan zakat fitrah-nya. Dan kaum hartawan pula akan mengeluarkan zakat harta-nya. Maka hasil pembahagian dari zakat2 ini-lah yang dapat membantu mereka yang kurang bernasib baik itu.

Sempena hari yang mulia ini juga kita di-galakan ziarah-menziarahi sahabat handai, saudara mara untok menguchapkan selamat hari raya dan bermaaf-maafan satu sama lain bagi segala kesalahan dan kesilapan yang telah lalu. Semoga dengan itu kita akan terlepas dari dosa sa-sama hamba Allah dan untok mengeratkan lagi tali silaturrahim.

## Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Hal Ehwal Ugama bahagian Pengembangan Ugama Islam minggu lalu telah mengIslamkan lagi sa-orang pemuda Iban yang berasal dari Sibu, Sarawak.

Pemuda tersebut, Wat anak Engga berumor 20 tahun telah memelok Ugama Islam pada 15hb Ogos lepas bertempat di-Pejabat Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

PengIslaman tersebut telah di-lakukan di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Hj Ismail bin Mat Serudin dan di-saksikan oleh Awg Momin bin Ahmad.

Wat anak Engga dalam pengIslaman itu telah memileh nama Islam-nya sabagai Shahrul Hamzah bin Abdullah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Ogos, 1979 hingga ka-hari Selasa 28hb Ogos, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 23hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 24hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 25hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 26hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 27hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 28hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



GAMBAR kelihatan YDM Pehin ketika mengakad Islamkan pemuda tersebut dengan di-saksikan oleh Awang Momin.

# 127 ORANG PENUNTUT AKAN MENYERTAI KURSUS SIVIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 127 orang peserta terdiri dari penuntut2 Brunei di-seberang laut di-jangka akan menghadhiri kursus anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama yang erat dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama. Ia-nya akan di-adakan pada 2hb September, 1979 di-Pusat Belia sini.

Thema kursus pada kali ini ia-lah "Penuntut berilmu dan beriman pemimpin hari esok" merupakan kursus kali yang ke-4 pernah di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan kapada penuntut2 Brunei seberang laut. Kali pertama kursus tersebut di-adakan pada tahun 1976.

Tarikh peserta2 itu mendaftarkan diri ia-lah pada 2hb September, 1979 di-Pusat Belia sini dari jam 9.30 hingga 11.00 pagi dan bukan dari jam 1.00 hingga 3.00 petang saperti siaran yang telah di-keluarkan sa-belum ini.

Tujuan kursus sivik tersebut itu di-adakan ia-lah bagi memberikan fahaman yang betul serta meningkatkan kesedaran penuntut2 yang belajar di-seberang laut mengenai hal ehwal semasa sekitar negeri dan kerajaan.

Senarai nama2 peserta itu ada-lah saperti berikut:—

Jamahat bin Asmat, Dy. Rosni binte Begawan Mudim Haji Bakar, Ak. Sallehuddin bin Pg. Haji Yusuf, Salmahwati binte Haji Mohsin, Rosenah binte Jandah, Ibrahim bin Haji Hassan, Kolam binte Gapar, Siti Noraini binte P.D.D.D. Hamzah Pahlawan Haji Metali, Dk. Rokiahayati binte Pg. Penggawa L.B.I.D.R.D.I. Pg. Haji Mokhtar Puteh, Lamat bin Ja'afar, Fatimah binte Awang Sirat, Sallehuddin bin Haji Ibrahim, Mohammad bin Haji Md. Suhaili, Norsiah binte Johari, Salmayah binte Haji Md. Husain, Siti Norgayah binte Abas, Alihan bin Abdul Saman, Dk. Mariam binte Pg. Haji Sepiuddin, Kassim bin Haji Daud.

Talipuddin bin Dato Haji Talib, Mohd. Taha bin Haji Mohd. Tahir, Haji Abd. Razak bin Haji Md. Hussaini, Abdul Aziz bin Ibrahim, Ak. Sharifuddin bin Pg. Matali, Hajah Latifah binte Haji Tudin, Shukri bin Abang Taha, Karim bin Asmat, Mohd. Daud bin Mahmud, Masri bin Shari, Dayang Lim Siew Shua, Awang Han Yuk Guan, Samhan bin Nyawa, Zaini bin Mahmood, Zainal Abidin bin Haji Mohd. Gimbar, Ahmad bin Abd. Rahman, Mohamad Zin bin Awang Haji Salleh, Masnah binte Begawan Mudim Haji Bakar, Hajah Norhayatti binte Haji Hassan, Dayang Chung Teh Chu.

Mauludiah binte Yussop, Jamilie bin Haji Abas, Tassim bin Haji Matali, Dayang Lim Siew Bee, Mohd. Zaini bin Bagul, Mohd. Zaini bin Haji Mohd. Ali, Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, Abu Hanafiah bin Abu Bakar, Suhaimi bin P.J.L.P.R.D. Awang Hussain, Abd. Kadir bin Awang Tengah, Mohd. Noh bin Haji Awang Omar, Dayang Marilyn Teo Lai, Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin, Ak. Damit @ Ak. Osman bin Pg. Hashim, Azibah binte Seruji, Suhaimi bin Haji Mohd. Hashim, Noraini binte Haji Abd. Rahman, Abu Bakar bin Mohd. Tahir, Hamdani bin Alias, Mahani binte Abu Bakar.

Rajali bin Abu Bakar, Dk. Mariam binte Pg. S.I. Pg. Haji Ismail, Abdul Jalil bin Haji Abdul Latif, Dk. Masrainah binte Pg. Ahmad, Hunus bin Riah, Dayang Biti binte Lamat, Halimaton binte Haji Abdullah, Dk. Rokiah binte Pg. Haji Jadid, Suleiman bin Awang Tengah, Awang Abd. Hakip bin Burut, Yaakub bin Haji Jumat, Umar Ali bin Abdullah, Abu Bakar bin Haji Mina, Maikassum binte Tinggal, Noraini @Ebert binte Haji Abd. Rahman, Aminah binte Abd. Hamid, Othman bin Simbran @Simran, Haji Mohd. Hani bin Haji Tengah, Zaini bin Haji Sabtu, Anidah binte Haji Idris.

Tony bin Haji Roslee, Awg. Mohammad Junaidi bin Haji Abd. Rahman, Dy. Yeng Mee Lan @Armah binte Abdullah, Dk. Hajijah binte Pg. Haji Matarsat, Kamualjaman bin Gadong, Bujang/ Tindin anak Eri, Dk. Jaliha binte Pg. Sahbudin, Razalli bin Siput, Hajjah Aminah @ Amenah binte Haji Omar, Rosli bin Matnoor, Gala binte Ulat, Madeli bin Haji Baha, Suhip bin Mohd Rais, Dayang Wee Yusop, Rohana binte Abdullahim @Ibrahim, Awang Tin Jit, Awang Koh Heng Puah, Mat Serudin bin Md. Noor, Fatmah binte Ahmad.

Jali bin Ali, Ismail bin Bahari, Mat Salleh bin Omar, Naibi bin Nurasin, Fatimah @Jauyah bte Embran, Awang Hong Kok Seng, Salor bin Kasi, Kamis bin Matyasin, Salim bin Adi, Dk. Sarah binte Pg. Haji Kamaluddin, Jalil bin Haji Mail, Mawardi bin Abdullah, Mardeka bin Siput, Siri bin Sijok.

Abd. Hamid bin Mohd. Zain, Rohana binte Haji Abd. Wahab, Jumat bin Tahir, Latip bin Haji Ahmat, Rukiah binte Mat Noor, Mangoi Anak Ondak, Yahya bin Tujoh, Ismail bin Mohammad, Kamis bin Munchit, Masnah binte Lusin, Sulaiman bin Labok, Ali bin Angas, Rabaee bin Sabli.



LAPAN dari 10 orang perwakilan MBB itu bergambar ramai di-Lapangan Terbang Antarabangsa sa-jurus sa-belum bertolak ka-Taiwan pada hari Ahad lalu. Di-kanan sekali ia-lah Yang Dipertua, Awang Haji Jaya dan Setia Usaha Agong MBB, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman (No. 2 dari kiri) yang telah berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar kapada rombongan tersebut.

# *Majlis Do'a Keshukoran dari penuntut2*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis do'a keshukoran sempena Menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom akan di-langsongkan bertempat di-Dewan Perjamuan, Dewan Majlis sini pada 2hb September, 1979 akan datang mulai jam 7.30 malam.

Juruchakap persatuan itu mengharapkan kapada ahli2-nya yang sedang berchuti di-tanah ayer supaya akan dapat berhubong dengan Setia Usaha Agong Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Dayang Simah binte Haji Yusof, di-alamat E2 Jalan Ong Sum Ping — atau talipon 25460, Bandar Seri Begawan.

# BA lateh juruterbang-nya dgn RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan Diraja Brunei telah menandatangani pejanjian dengan Sharikat Penerbangan British untok menjalankan latehan dengan menggunakan pesawat 737 Diraja Brunei bagi juruterbang2 Sharikat Penerbangan British. Melalui latehan ini Diraja Brunei berharap akan dapat menggunakan masa yang terluang untok latehan itu sepenoh-nya bila mana pesawat 737 yang lain di-Eropah terlibat dengan kesebokan dalam masa musim panas.

Sharikat Penerbangan British pada masa ini tidak mempunyai pesawat2 jenis 737, tetapi menjelang tahun 1980, sharikat itu akan membeli sa-banyak 18 buah pesawat 737 dan dengan sebab itu-lah sharikat tersebut mula melateh juruterbang2-nya untok mengendalikan pesawat saperti ini.

Sa-ramai enam orang juruterbang BA pada masa ini berlateh dengan Diraja Brunei dan menjadi Keptan latehan bagi BA dan sa-telah menamatkan latehan pertukaran itu, mereka akan terus berkhidmat dengan Diraja Brunei sa-hingga penghujong tahun ini untok mendapatkan pengalaman. Dalam masa menjalani latehan dengan Diraja Brunei, mereka ada-lah di-bawah perentah salah saorang Keptan Diraja Brunei.

Arahan2 untok juruterbang2 ini di-berikan oleh pelateh2 Keptan bagi Penerbangan Britannia yang mana pada masa ini merupakan pengendali pesawat 737 yang terbesar di-United Kingdom. Pelateh2 ini juga akan menamatkan latehan pertukaran bagi enam orang juruterbang2 itu yang akan kembali ka-UK sa-jurus sa-telah menamatkan latehan2 mereka di-Brunei.

Pengurus Umom Diraja Brunei, Awang Alan Douglas berkata: "Kami berasa gembira dapat membantu BA mengendalikan latehan pertukaran ini dan di-atas keperchayaan mereka terhadap Diraja Brunei. Saya perchaya kita juga mendapat keuntongan melalui pengalaman juruterbang2 BA ketika mereka mengadakan latehan itu sa-panjang tahun ini."

# Peraduan Kanak2 Sehat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkumpolan Perempuan Brunei Daerah Brunei-Muara akan menganjorkan Peraduan Kanak-Kanak Sehat dalam bulan depan.

Peraduan tersebut di-adakan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun dan akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada 14hb September.

Borang2 penyertaan telah pun di-bahagi2kan kapada semua kelinik2 kesihatan di-daerah tersebut dan ibu2 yang ingin menyertakan anak2 mereka ka-peraduan itu boleh-lah mendapatkan borang2 di-klinik2 yang mereka kunjongi.

# Wakil MBB ka-Taiwan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 10 orang belia yang mewakili Majlis Belia-Belia Negeri Brunei telah berlepas ka-Taipei pada hari Ahad lalu untok menyertai ranchangan lawatan kebudayaan dan hiboran belia antarabangsa di-Taiwan. Lawatan itu di-anjorkan oleh Pertubohan Belia Taiwan dan akan berjalan sa-lama dua minggu mulai 16hb Ogos hingga 1hb September, 1979.

Ahli2 dalam rombongan itu ada-lah terdiri dari Awang Julaihi bin Abdullah (Ketua) dari Persatuan Bekas Penuntut2 St Michael-Angela Seria; Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abd Rahman (Penolong Ketua) dari Persatuan Perkota; Awang Haji Mohammad bin Mokti (Setia Usaha) dari Persatuan Tiba; Pg Zainal bin Pg Haji Md Yusof dari Persatuan Kebajikan Sumbiling; Awang Muzini bin Sharbini dari Persatuan Peduman; Awang Suhaili bin Umar dari Persatuan Sumbiling Lama; Awg Masri bin Haji Matarsad dari Persatuan Belia Kilanas; Awg Jaya bin Haji Mohd Yusof dari Persatuan Trengkas; Pg Jadid bin Pg Haji Omarali dari Persatuan Patuh dan Awang Joseph Chin dari Pertubohan Boys Brigade.

Menurut susunan ranchangan yang di-ator, di-samping melawat beberapa tempat yang menarek dan pertubohan2 di-Taipei, rombongan tersebut juga akan di-bawa melawat ka-daerah2 luar bandar saperti ka-Selatan Taiwan, Tasek Matahari Bulan dan Pelabohan Kaohsiung. Rombongan tersebut juga berharap akan dapat berkunjong melawat masharakat Islam di-Taipei ketika waktu bulan puasa dan Hari Raya Aidil Fitri. Rombongan tersebut di-jangka akan balek ka-Brunei pada 2hb September.

Ini-lah kali pertama Majlis Belia-Belia Negeri Brunei berupaya menghantar satu perwakilan menyertai lawatan sa-umpama ini ka-Taiwan.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 22HB OGOS,

PETANG

5.10 PEMBUKAAN
5.11 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.23 SUSUNAN RANCHANGAN
5.25 RENGKASAN BERITA
5.27 STAR TREK — "And Children shall Lead"
Kaptan Kirk, Mr. Spock dan Dr. McCoy mendapati yang perusahaan mereka telah di-ambil aleh oleh kehendak dan kuasa kanak2.
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — "Nice to have a Spouse around the House"
Darrin mengajak Samantha untok pergi berbulan madu buat kali kedua, tanpa menyedari yang Serena, saudara sa-pupu Samantha yang mempunyai paras rupa yang sama sa-benar-nya menjadi pengganti kapada isteri-nya.
7.40 AGAINST THE WIND — "The Windfall Summer"
Mary dan Jonathan membuat perhitongan yang terakhir untok melawan tentera2 Rum yang berkuasa itu dalam episod terakhir dari siri ini.
7.46 AZAN ISHA
7.50 AGAINST THE WIND — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK: The Jackson Five
9.55 PERLAWANAN BOLA SEPAK: Arsenal vs. Liverpool.
11.55 SIARAN TAMAT.

**Susunan ranchangan dari hari Khamis hingga Ahad khas untok Hari Raya — sila lihat muka 10 dan 11**



MARY dan Jonathan di-luar rumah mereka di-New South Wales. Dalam "The Windfall Summer", episod terakhir dari AGAINST THE WIND, mereka membuat perhitongan terakhir dengan Tentera2 Rum yang berkuasa dan bermaharajalela itu.
Untok sementara waktu kita akan melihat kemungkinan yang kata2 dan buah fikiran mereka saperti di-kalahkan oleh senjata2 anggota tentera itu. Tapi tanpa mereka sedari kemenangan kini kian datang menghampiri mereka.



SHOW OF THE WEEK malam ini di-penohi dengan persembahan oleh The Jackson Five (gambar atas). Mereka ini terdiri dari lima orang adek beradek yang berasal dari Gary, Indiana, yang telah melibatkan diri mereka dengan muzik sejak beberapa tahun yang lalu.
Empat buah rekod pertama mereka telah menambat perhatian muda-mudi. Tapi itu hanya-lah tapak permulaan bagi kumpolan The Jackson. Hari ini mereka telah melariskan rekod2 mereka hingga meningkat jumlah-nya lebeh dari enam puloh juta semua-nya. Pertunjokan2 yang di-adakan telah membawa mereka ka-seluroh Amerika, Eropah, Afrika dan Timor Jauh. Ikuti-lah persembahan2 mereka yang menarek perhatian dan pasti akan dapat menghiborkan awda sekalian pada malam ini.

## ISNIN — 27HB OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Blind Journey"
Bahagian pertama.
Charles Inggals chuba untok membetulkan keperchayaan Puan Oleson yang dengan keras-nya menentang saorang penghuni berkulit hitam di-Walnut Grove, dan dalam pada itu dia juga menchuba untok menchari tempat menetap yang baru untok kanak2 di-sekolah untok orang2 buta.
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POT BLACK
7.40 ROOTS: The Next Generations
Alex meranchang untok menjadi saorang penulis yang menimbulkan ketegangan dalam perkahwinan-nya kerana dia terlalu banyak menghabiskan masa-nya dengan menulis dan terlalu sedikit masa-nya di-luangkan untok isteri dan anak2-nya
7.44 AZAN ISHA
7.48 ROOTS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS — "Second Stanza"
Penyanyi Ginny Gordan kembali semula sa-telah menghilang sa-lama empat tahun. Bila beberapa kemalangan yang misteri terus-terusan berlaku ketika di-adakan latehan, Dan Tanna di-undang untok membuat penyiasatan.
9.55 BLACK SHEEP SQUADRON — "The Hawk Flies on Sunday"
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 28HB OGOS,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 DICK TURPIN — "The Hostages"
Swiftnick merasa bimbang bila mendapati yang Sir John Glutton membuat penahanan terhadap dua orang kanak2, Nan dan Jem Clayton, di-Rookham Hall. Dia keluar untok membebaskan mereka tanpa perhitongan dari Turpin.
5.55 BATTLE OF THE PLANETS — "Ace from Outer Space"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 BATTLE OF THE PLANETS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH — "Eye Opener"
7.44 AZAN ISHA
7.48 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUSIC PEOPLE
9.15 THE SECRET WAR — "Terror Weapons"
10.05 KOJAK — "A Summer Madness"
Sa-butir bom yang di-lemparkan kajendela restoran Manhattan yang berlaku ketika jamuan di-adakan di-situ telah menimbolkan perasaan misteri dan membunoh mangsa2 yang tidak berdosa. Ketika mereka chuba untok meleraikan kesah itu bersama, Kojak dan orang2-nya menemui kejadian2 kematian demi kematian.
10.55 SIARAN TAMAT.

# PERKHIDMATAN RADIO 24 JAM DI-MALAM RAYA

UNTOK pertama kali dalam sejarah, Radio Brunei mengadakan siaran 24 jam pada malam raya yang akan menjelang nanti untok melayani para pendengar dengan segala macham hiboran di-malam raya yang sememang-nya sebok dengan bermacham2 urusan raya menjelang matahari terbit di-pagi satu Shawal.

Berpandukan pengalaman sejak beberapa tahun yang lalu memberikan idea dan keberanian kapada Radio Brunei mengator siaran lanjutan-nya dari malam hingga ka-pagi. Bertahun2 lama-nya kita mengetahui bahawa boleh di-katakan tidak ramai orang yang tidor awal di-malam raya itu malah kebanyakan-nya tidor chuma untok beberapa jam sahaja sementara menunggu waktu suboh. Kerana itu ada-lah di-fikirkan bahawa Radio mempunyai peranan untok menemankan dan menghiborkan mereka di-larut malam yang penoh dengan pelbagai perasaan itu sa-telah berjaya menempoh ujian berpuasa sa-lama sa-bulan Ramadhan.

Radio Brunei mengatorkan ranchangan2 khas di-malam tersebut untok bersama2 menunggu matahari satu Shawal. Di-antara ranchangan2 pada malam itu ia-lah Lagu2 Permintaan melalui talipon untok menguchapkan Selamat Hari Raya kapada saudara mara dan sahabat handai yang jauh, di-samping meminta lagu2 yang Awda gemari terutama lagu2 terbaru. Pendengar2 yang ingin menyertai ranchangan ini boleh-lah membuat tempahan dari sekarang melalui talipon 23410.

Awda juga akan dapat mengikuti sa-buah drama khas di-malam raya itu berjodol Ziarah. Siapa-kah yang di-ziarah atau menziarahi? Atau awda sendiri yang akan di-ziarahi orang di-malam raya itu nanti, pastikan awda dapat mengikuti drama itu nanti.

Kami juga akan menyiarkan sa-chara langsong Tarhim, Azan Suboh dan seterus-nya Sembahyang Suboh dari Masjid Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri. Kami juga akan menyiarkan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dari qari dan qariah pilehan mungkin dari johan qari Brunei dan johan qari dan qariah antara bangsa. Saperti biasa Takbir akan bergema di-radio sejenak sa-belum matahari satu Shawal mengintai dari Mashrik di-bibir langit.

Kerana itu jangan-lah awda merasa bimbang dan kesunyian di-malam raya nanti kerana radio akan menemani awda hingga ka-pagi. Pastikan yang awda mendapat khidmat radio 24 jam.

# HIDANGAN RADIO UTK HARI RAYA

HAMPIR 50 buah ranchangan radio telah di-sediakan untok hiboran para pendengar di-Hari Raya nanti. Di-antara-nya ia-lah:—

- Pesta Ria Aidil-Fitri
- Bintang-Bintang RTB
- Harian Radio Special
- Kanak-Kanak Berhari Raya
- Senandong Si-Juruhebah
- Drama Hari Raya
- S. Ros — Sumadi / M. Noordin — S. Mariam Show
- Gambus Aidil-Fitri
- Jenaka Rama
- Panggong Drama
- Qasidah
- Bachaan Al-Kor'anul-Karim dari Johan-Johan Musabaqah
- Selamat Hari Raya dari pelajar2 kita di-sebe-rang laut.

Sila rujok susunan ranchangan Radio di-muka 14 untok mempastikan tarikh dan waktu siaran-nya.

# SELAMAT HARI RAYA DARI KAKITANGAN BHG MELAYU

TEMPAHAN maseh terbuka kapada para pendengar untok menyertai ranchangan Lagu2 Permintaan bagi menguchapkan Selamat Hari Raya kapada saudara mara dan sahabat handai melalui talipon yang akan di-siarkan sechara langsong pada malam raya dari jam 12.00 tengah malam hingga 3.00 pagi dan dari jam 10.15 malam hingga 12.00 tengah malam pada Hari Raya pertama, kedua dan ketiga.

Pendengar2 yang berminat boleh-lah membuat tempahan dari sekarang melalui talipon 23410 atau 23111 sambongan 258 dan 259 atau datang sendiri ka-tingkat lima bangunan RTB.



SENANDONG JURUHEBAH. Kalau sa-tiap hari awda chuma mendengar Juruhebah kami hanya berchakap sahaja, maka di-hari baik bulan baik ini ikuti-lah mereka menyanyi dalam ranchangan Senandong Juruhebah. Bukan suara-nya yang menarek awda tetapi gaya mereka yang tersendiri, khabar-nya ada gaya membacha berita dan ada pula ala memberi ulasan selari. Kalau ada kesempatan chuba2-lah ikuti ranchangan ini yang akan di-siarkan pada Hari Raya Pertama jam 1.00 tengah hari.



SATU jam dengan persembahan Ranchangan Kanak2 Berhari Raya. Jamilah Abdullah, penerbit ranchangan ini pertama kali mengumpulkan tenaga Bintang2 Kechil untok menghiborkan para pendengar di-hari mulia itu nanti. Siaran-nya pada Hari Raya Kedua jam 11.00 pagi.

# LAGU2 PERMINTAAN SELAMAT HARI RAYA MELALUI TALIPON

SELUROH kakitangan di-Bahagian Melayu Radio Brunei menguchapkan Selamat Hari Raya kapada para pendengar yang di-hormati sekalian. Di-samping itu dalam kesempatan Idilfitri yang mulia ini juga kami dengan ikhlas dan dengan semangat Hari Raya menghulurkan tangan menuntut berbanyak2 maaf atas segala salah dan silap yang tidak senghaja dalam menjalankan tugas2 siaran melalui media mass RTB, semoga kita dapat meninggalkan musim sa-tahun nan berlalu ini dengan segala kesuchian hati dan keikhlasan rasa untok menempoh tugas dan kewajipan pada jalan yang di-redhai Allah. Dan mari-lah kita nekmati rahmat Allah di-Hari Raya ini sa-telah berjaya menempoh ujian Ramadhan dalam petunjok dan keredhaan Tuhan Yang Maha Agong.

intisa
RT
minggu i

PAUL Daniels (kanan) sa-orang ahli silap-mata yang mempunyai bakat yang luar biasa akan menunjokkan kebolehan-nya dalam ranchangan khas untok Hari Raya.

Paul Daniels mensifatkan diri-nya sa-bagai sa-orang ahli silap-mata yang berbedza dari orang lain. Dia menchantumkan silap-mata dengan komidi dalam peranan-nya untok menerbitkan ranchangan hiboran terbitan-nya sendiri.

Dalam pertunjokan-nya ini, dia memperlihatkan kepintaran-nya, nyanyian, tarian dan berchakap dengan chara yang paling menarek untok hiboran.

Tayangan ini akan dapat di-saksikan di-peti talivishen awda pada hari Sabtu 25hb Ogos atau hari Isnin 27hb Ogos.



ALAM fantasi karton yang mem
midi sa-lama dua jam ini, dengan
nya. Kelihatan Yogi Besar (at
Scooby Doo (bawah kiri) dan H
Mereka ini akan dapat A
Arena Show." Pada Hari Raya

# Menyambut kedatangan hari raya




## JADIKAN SA-BAGAI TITEK KESEDARAN DAN PEMBAHARUAN YANG MENYELUROH

HARI RAYA — hari agong bagi seluroh umat Islam, hari penghubong persaudaraan serta pengerat kekeluargaan, hari kemenangan bagi mereka yang telah berjaya menempoh badai nafsu di-bulan puasa, kini ia bersemarak lagi dengan kegemilangan-nya yang penoh bersinar. Semoga kedatangan-nya kali ini akan menambahkan lagi kekuatan azam dan keyakinan, kekukohan iman dan takwa, meningkatkan lagi keinginan dan keshukoran kita kapada-Nya yang telah melanjutkan usia kita dengan memberi kenekmatan dan pintu kerahmatan yang luas terbuka.

Betapa dalam menoleh kembali keriangan yang di-bawa oleh suasana hari raya itu akan benar2 tampak ia mewarnai segala-nya. Apa-kah pewarnaan di-saat kemeriahan dan keagongan-nya itu kita telah mendapat kenekmatan dalam hidup ini atau kita mendapat keperitan yang menghiris sukma dan rasa.

Sa-bagai sifat-nya hari terbuka bagi semua umat, istemewa umat Islam, sa-chara langsong hari raya benar2 mengajak kita untok merasakan kehiburan yang di-bawa-nya. Memang tidak semua kita yang sa-patut-nya merasakan keagongan hari lebaran itu memperolehi apa yang di-hajati, namun semua-nya itu perlu-lah kita sandarkan sa-bagai suatu iktibar bagi menempoh kedatangan-nya kali ini pada menjalani saat bernafas buat masa akan datang.

Saperti di-sedari dan sa-olah2 sa-bagai suatu kemestian pula bahawa apabila menjelang saja hari raya, sa-tiap kita perlu kapada sa-suatu yang baru. Mengingini kapada yang baru ini pada lazim-nya dan kebanyakan kita akan sentiasa tertumpu kapada bentuk dzahir sa-mata2, kurang sa-kali ka-dalam bentuk kedua2-nya sekali ia-itu dzahir dan bathin.

Sayugia di-perhatikan bahawa pembaruan dzahir yang di-buru itu walau saberat mana ia perlu di-tanggong, maka sa-keras itu pula ia di-gagahi untok mesti di-perolehi. Pada hal ada sa-bahagian dari yang berbuat demikian terpaksa menempoh satu lorong yang jelas akan membebankan diri dan tanggongan-nya. Bak kata pepatah 'ayam terlepas — tangan berbahu tahi', 'melempar bomerang — tau2 akan memukol badan kembali'.

## Kepuasan dzahir

Demikian-lah sifat-nya kita manusia sentiasa kurang chermat dan gelujoh hati pada memileh mana yang sa-patut-nya, mudah chepat tersorok pada kepuasan dzahir sa-mata2, tetapi senang terhalang pada memileh kepuasan bathin dalam mengeluarkan perbelanjaan sa-panjang memantuni keperluan harian, pada hal perkara saperti itu perlu-lah di-kurangkan memandang pada keadaan harga2 barang yang kian meningkat.

Saperti juga mengeluarkan perbelanjaan di-sa-panjang berpuasa, sering sa-bahagian dari kita akan berbelanja lebeh dari yang patut dengan anggapan bahawa berbelanja demikian sa-bagai "tidak mengapa" memandangkan ia di-lakukan sa-kali dalam sa-tahun. Sifat saperti itu merupakan pemborosan, dan boros itu ada-lah sa-bahagian dari rangsangan nafsu shaitan, sedangkan amalan puasa kita itu kita maksudkan untok menchapai keredhaan Allah s.w.t. Ini suatu pertentangan!

## Mengubah sikap

Perkara ini sa-chara langsong memaksakan kita umat Islam perlu kapada suatu titek mengubah sikap, ia-itu mengorientasi diri sendiri sesuai dengan fungsi ibadah kita itu untok menchapai kepuasan rohani yang paling tinggi di-sisi Allah s.w.t. dari memantuni kepuasan duniawi dengan hidangan yang berbagai rupa yang hanya bersifat dzahir dan pembaruan benda sa-mata2.

Dalam menjelang-nya hari raya kedai2 serta tempat membeli-belah di-mana2 juga dengan mudah akan menyadorkan bentok iklan jualan barang2 mereka dengan harga yang menarek hati yang selalu-nya di-chap sa-bagai 'JUAL MURAH', 'JUALAN ISTEMEWA' atau 'POTONGAN JUALAN 20%' dan sa-bagai-nya. Semua-nya itu tidak lain sa-mata2 sa-bagai jerat atau panching untok menarek hati pembeli yang terdiri dari orang2 Islam. Perbuatan pekedai2 ini ada-lah ibarat 'memasang lukah di-pergentingan' dengan harapan untok mengaut untong yang berlipat chandas dari jualan2 yang sa-belum-nya.



MEMILEH pakaian2 baru terutama untok anak2 saperti kelihatan di-kedua2 gambar di-atas ini memang tidak asing dalam penglihatan kita sa-panjang masharakat Islam membuat persediaan untok menyambut kedatangan hari raya sa-tiap tahun.

Tidak shak lagi menjelang hari raya, ada-lah saat untok menekmati keuntongan besar bagi pekedai2, dan saat itu-lah pekedai2 akan mempamerkan segala bentuk jualan mereka yang indah2 dari kain baju membawa pada barang2 lampu letrek, kerusi meja, barang2 kacha, kasut dan sa-bagai-nya dengan beraneka feshen yang serba baru ada-nya.

Jadi kita umat Islam, yang sa-bahagian besar terdiri dari orang2 Melayu, sering "tidak mahu pada dari apa yang sudah ada", akan menjadi si-'uyu2' kalau sudah melihat orang lain bekareh membeli, mahu tidak mahu akan turut juga 'mengambura' untok membeli-nya.

## Menziarahi kubor

Dari perbuatan mengeluarkan perbelanjaan yang 'besar kerak dari

Lihat muka 12



DEMIKIAN-LAH bagaimana berseri-nya kedatangan hari raya yang akan di-sambut begitu juga-lah keserian itu di-gimbari dengan apa juga yang serba baru. Bagi keluarga ini membeli kerusi baru ada-lah suatu yang perlu di-pantuni-nya, mungkin kerusi yang ada sudah tidak berseri lagi ?



DAN yang ini pula, beliau ini ashek menchari kesesuaian kasut yang hendak di-beli-nya bagi menyambut kemeriahan hari raya yang akan datang.

# SUSUNAN RANCHANGAN TV UNTOK HARI RAYA

## JIKA JATOH PADA 24HB OGOS

### KHAMIS, 23HB OGOS, 1979
### MENJELANG HARI RAYA

**PETANG**

5.10 PEMBUKAAN
5.11 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.23 SUSUNAN RANCHANGAN
5.25 RENGKASAN BERITA
5.27 BIG BLUE MARBLE
5.55 THE DOOMBOLT CHASE
6.17 MENJELANG SUNGKAI
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SELINGAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 HIDAYAT
7.40 HIGH CHAPARRAL
"The Assassins"
Sa-orang pembelot dan pengikut2-nya meranchang untok membunoh sa-orang perwakilan di-sa-buah rumah yang terletak di-padang ternak dan memulakan peperangan baru di-kalangan orang2 Indian.
7.46 AZAN ISHA
7.50 HIGH CHAPARRAL — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 TAKBIR HARI RAYA
9.05 PERUTUSAN HARI RAYA DARI DYMM SULTAN, PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN MENTERI BESAR
9.20 DENDANG RTB
Salah satu ranchangan istimewa untok hiboran awda di-Hari Raya ia-lah "Dendang RTB." Artis2 terdiri dari petugas2 di-RTB dan ranchangan ini di-muatkan dengan nyanyian, tarian, petekan filem2 mengenai tugas2 di-RTB dan juga uchapan2 Hari Raya. Di-samping itu peminat2 ranchangan Radio yang meminati ruangan Keluarga Si-Awang dan Kan Hal Kitani, akan dapat mengenali siapa-kah Liau Bakar, Bu Mayang, Bu Lauyah dan jiran2-nya yang lain dengan mengikuti telatah Liau Bakar Berhari Raya ka-rumah Bu Mayang dan telatah Bu Lauyah Berhari Raya dengan jiran2-nya.
10.35 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.35 PUSPARAMA

**PAGI**

1.25 TAKBIR HARI RAYA
1.45 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT, 24HB OGOS, 1979
### HARI RAYA PERTAMA

**PAGI**

7.15 PEMBUKAAN
7.17 SUSUNAN RANCHANGAN
7.20 SEMBAHYANG HARI RAYA DI-MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.10 TAKBIR HARI RAYA
8.40 PERUTUSAN HARI RAYA DARI DYMM SULTAN, PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN MENTERI BESAR.
8.55 AL-MIZAN — Persembahan lagu2 nashid oleh Kumpolan Al-Mizan (siaran ulangan)
9.25 BINTANG KECHIL — Para penunton terutama sekali kanak2 akan dapat menyaksikan sekali lagi pertandingan Bintang Kechil '79.
11.00 SIARAN TAMAT.

**PETANG**

3.00 PEMBUKAAN
3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
3.17 KONSET HARI RAYA
4.10 CIRCUS WORLD CHAMPIONSHIP
5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HANS CHRISTIAN ANDERSON SPECIAL
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 HANS CHRISTIAN ANDERSON SPECIAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 ABBA STAGE SHOW
7.46 AZAN ISHA
7.50 ABBA STAGE SHOW — sambongan
8.02 MUSIC PEOPLE — Hiboran lagu2 oleh pemenang2 talentime Singapura.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE ENTERTAINERS — Persembahan musik dan komidi dari Bruce Forsyth dan Rita Moreno.
9.35 BADEK
Rengkasan cherita-nya ada-lah saperti berikut: Badek ada-lah sa-orang pemuda berasal dari Kampong Tanjong Bidara. Muka-nya menjadi hudoh dan burok kerana melanggar pantang larang tok guru dari ilmu yang di-pelajari-nya. Kerana muka-nya hudoh itu-lah Badek menyembunyikan diri dari kampong-nya hingga melarat sampai ka-Desa orang.

Sa-lama Badek berada di-Desa ini, bermacham2 fitnah di-limparkan kapada-nya.

Melati adek Jelatang walau pun sudah bertunang dengan pemuda bernama Pitan anak Penghulu di-desa itu telah terpikat hati kapada Badek kerana budi-nya yang baik itu.

Pengorbanan dan perjuangan-nya mententeramkan desa itu yang telah mengalami huruhara dari perbuatan lanun2 yang tidak mengenal batas peri kemanusiaan itu, akhir-nya Badek telah teraniaya dan di-seksa. Ketua Lanun yang chuba membunoh Penghulu di-desa itu dan kemudian-nya akan menjadi Penghulu dapat di-patahkan.

Sa-lepas itu bagaimana pula hubongan Melati dengan Badek yang di-tudoh merampas kekaseh orang. Apa-kah tindakan Pitan tunang Melati dalam perkara ini. Apa-kah tindakan Penghulu dan anak2 kampong terhadap Badek. Berjaya-kah Badek mengembalikan wajah-nya yang burok dan budoh itu saperti sediakala.
10.20 MANAF SPECIAL
11.00 SWORD OF JUSTICE — "Port of Entry"
Jack Cole chedera di-sebabkan oleh tembakan dari sa-orang anggota pulis. kerana itu dia menyerahkan tugas2 untok mendapatkan maklumat tentang sa-orang pesurohjaya pulis yang menerima rasuah itu kapada Hector.
11.50 DENDANG PERANTAU — Siaran ulangan bagi para penunton menekmati lagu2 oleh penyanyi2 Indonesia.
12.40 SIARAN TAMAT.



SALAH satu dari kerja2 pengambaran luar dengan aksi sa-orang penyanyi bakat baru — DY SAIMAH dalam SENANDONG AIDIL FITRI.



TARIAN Timang Burong oleh kaki-tangan RTB yang pin oleh Awang Said Rahmat (atas), Awang Mo... juru kamera OB sedang di-temu ramah oleh Juruacha... Thu.



### SABTU 25HB OGOS, 1979
### HARI RAYA KEDUA

**PETANG**

3.00 PEMBUKAAN
3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
3.17 THE FANTASTIC WORLD OF HANNA BARBERA ARENA SHOW
Pengambaran yang di-ambil di-Pusat Hiboran Perth di-pinggir laut Barat Australia. "Arena Show" ini di-kendalikan oleh Michael Landon bersama dengan keluarga-nya.

Persahabatan merupakan thema-nya dari awal hingga akhir dan ranchangan ini melibatkan anak perempuan kapada Fred Flintstone, Pebbles, yang menchari binatang peliharaan-nya, Dino. Ini telah menempatkan-nya untok melalui pengembaraan yang melibatkan banyak lagi perwatakan2 karton yang di-gemari ramai.
5.17 AL-KESAH SPECIAL
Drama ini ada-lah mengesahkan kesetiaan dua orang sahabat yang baik, ia-itu Aduka dan Wira. Aduka telah menchintai gadis kampong Selubuk bernama Teratai, Wira tetap sa-bagai sahabat yang baik. Tetapi keadaan telah berubah, masa telah berlalu. Aduka terpaksa balek ka-kampong-nya untok menemui ibu-nya yang sudah tua. Maka sa-peninggalan Aduka ibu Teratai pula meninggal . . .

Para pendukong dalam Al-Kesah ini ada-lah terdiri dari pelakun lama dan baru, saperti A. Rais Baneh, Abd Ghafar Jumat dan memperkenalkan pelakun baru Asiah Shamsuddin dan Aisah Misir. Pencherita ia-lah Haji Metussin Haji Serudin dan Pelakun kanak2 Zulkernain Hanafi dan Suhardy Nordin.
6.00 RENGKASAN BERITA
$.02 CHILDREN'S HARI RAYA SPECIAL—"Selamat Hari Raya Lai"
Satu ranchangan istemewa bagi kanak2 dan keluarga berhari raya. Kami yakin para penunton akan seronok menyaksikan-nya.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 CHILDREN'S HARI RAYA SPECIAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

**MALAM**

7.10 THE PAUL DANIELS SHOW — Paul Daniels merupakan sa-orang ahli sihir yang berbedza dari yang lain.





# SUSUNAN RANCHANGAN JIKA HARI RAYA JATOH PADA 25HB OGOS

## JUMAAT 24HB OGOS, 1979
## MENJELANG HARI RAYA

PETANG

- 4.40 PEMBUKAAN
- 4.41 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.53 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.55 KORG 70,000 BC – "Ree and the Wolf"
- 5.25 RENGKASAN BERITA
- 5.27 THE DANDY DANISH CIRCUS
  Mempaparkan banyak adegan2 yang menarek termasok persembahan dari Walgardi Bersaudara, dua orang dari di-antara ahli2 gimnastik di-Scandinavia.
- 5.55 HUNTER'S GOLD — Episod 11
- 6.17 MENJELANG SUNGKAI
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.39 SELINGAN
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MORK AND MINDY — "Mork's Best Friend"
- 7.40 PUSPARAMA — Di-persembahkan oleh Noor Kumalasari.
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 PUSPARAMA — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 TAKBIR HARI RAYA
- 9.05 PERUTUSAN HARI RAYA DARI DYMM SULTAN, PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN MENTERI BESAR
- 9.20 DENDANG RTB
- 10.20 SWORD OF JUSTICE — "Port of Entry"
- 11.10 MUSIC PEOPLE
- 11.40 TAKBIR HARI RAYA
- 12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU 25HB OGOS, 1979
## HARI RAYA PERTAMA

PAGI

- 7.15 PEMBUKAAN
- 7.17 SUSUNAN RANCHANGAN
- 7.20 SEMBAHYANG HARI RAYA DI-MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
- 8.10 TAKBIR HARI RAYA
- 8.40 PERUTUSAN HARI RAYA DARI DYMM SULTAN, PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN MENTERI BESAR.
- 8.55 AL-MIZAN
- 9.25 BINTANG KECHIL
- 11.00 SIARAN TAMAT.

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
- 3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.17 KONSET HARI RAYA
  Ranchangan Hari Raya Khas dari Singapura.
- 4.10 CIRCUS WORLD CHAMPIONSHIP
- 5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG SPECIAL
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 HANS CHRISTIAN ANDERSON SPECIAL
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.39 HANS CHRISTIAN ANDERSON SPECIAL — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUSIC PEOPLE
- 7.40 ABBA STAGE SHOW
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 ABBA STAGE SHOW — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MANAF SPECIAL
- 9.25 THE ENTERTAINERS
- 10.15 DRAMA "Badek"
- 11.00 DENDANG PERANTAU
- 11.45 SIARAN TAMAT.

## AHAD 26HB OGOS, 1979
## HARI RAYA KEDUA

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
- 3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.17 BILLY SMART'S CIRCUS
- 4.17 PESTA PENGHIBOR No. 2
- 5.03 CLAUDIA CARDINALE SPECIAL
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 MIMPI SI-KENIT
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 MIMPI SI-KENIT — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUSIC PEOPLE
- 7.35 THE INCREDIBLE HULK — "The Killer Instinct"
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DAN DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 BERHARI RAYA DENGAN PULIS DIRAJA BRUNEI.
- 10.05 EDWARD AND MRS SIMPSON
  Episod ke-enam "Proposals"
- 10.55 DENDANG JUARA
- 10.35 THE MORECAMBE AND WISE SHOW
- 12.25 PACIFIC SONG CONTEST
  Penyanyi2 dari Kanada, Jepun, Hongkong, Amerika dan banyak lagi negeri2 yang lain bertanding dalam Pertandingan Nyanyian Pasifik peringkat akhir yang di-adakan di-Christchurch New Zealand.

PAGI

- 1.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN 27HB OGOS, 1979
## HARI RAYA KETIGA

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
- 3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.17 THE PAUL DANIELS SHOW
- 4.17 MIMPI SI-KENIT
- 5.17 AL-KESAH SPECIAL
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE MORECAMBE AND WISE SHOW
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 THE MORECAMBE AND WISE SHOW — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUSIC PEOPLE
- 7.40 ROOTS: The Next Generations
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 ROOTS: The Next Generations — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 9.25 SENANDONG AIDIL FITRI
- 10.05 VEGAS — "Second Stanza"
- 11.00 PESTA PENGHIBOR
- 11.47 SIARAN TAMAT.

---

Dia menchantumkan silap mata dan komidi dalam peranan-nya untok menerbitkan ranchangan hiboran-nya sendiri.

- 7.46 AZAN ISHA
- 7.50 THE PAUL DANIELS SHOW — sambongan
- 8.00 SENANDONG AIDIL FITRI
  Sa-buah lagi ranchangan tempatan khusus untok memenohi selera peminat2 hiboran untok menyambut hari labaran. Dengan barisan penyanyi2-nya terdiri dari M. NORDIN dan AK AZAHARI PG HAJI DAMIT. Sa-orang penyanyi, muka baru — DY. SAIMAH HAJI ABDI MANAF turut di-undang dan pasti mendapat perhatian. Di-samping itu kumpolan penari2 veteren — DE' MIXTURE juga akan beraksi dengan tarian2 mereka. Pastikan awda tidak ketinggalan untok mengikuti ranchangan khas tersebut.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 PESTA PENGHIBOR No. 1
- 10.00 THE MORECAMBE AND WISE SHOW — Sa-lama satu jam Awda penunton di-bawa bergelak ketawa dengan dua orang pelawak yang terkenal di-Britain, Eric Morecambe dan Ernie Wise.
- 11.00 SUMBANGSEH AIDIL FITRI
  Ranchangan ini keseluroban-nya mengemukakan artis2 bakat baru yang mempersembahkan tarian, nyanyian2 dan juga lawak jenaka.
- 11.45 JAMES LAST IN LONDON
- 1.15 SIARAN TAMAT.





## AHAD, 26HB OGOS, 1979
## HARI RAYA KETIGA

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
- 3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.17 THE FANTASTIC WORLD OF HANNA BARBERA ARENA SHOW
- 5.17 PESTA PENGHIBOR No. 2
  Pada Hari Raya ini, istemewa di-sajikan hidangan hiboran untok tatapan awda penunton dengan lagu2 terbaru dari barisan penyanyi2 professional saperti Dahlan Zainuddin, Othman Hamzah, Faridah Md Amin bersama Kumpolan Al-Mizan, penyanyi genit Norazia Ali dengan iringan tarian oleh Penari2 RTB.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CHILDREN'S HARI RAYA SPECIAL—"Selamat Hari Raya Lai"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 CHILDREN'S HARI RAYA SPECIAL — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUSIC PEOPLE
- 7.40 THE INCREDIBLE HULK — "The Killer Instinct"
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 BERHARI RAYA DENGAN PULIS DIRAJA BRUNEI
  Salah satu daripada persembahan khas di-Hari Raya ini ia-lah persembahan Pasokan Pulis Diraja Brunei. Ia-nya ada-lah sangat unik bilamana mereka yang mengambil bahagian ada-lah dari pegawai rendah hingga yang berpangkat.

  Penunton2 Brunei buat pertama kali-nya akan dapat menyaksikan persembahan2 yang lengkap dengan pencharagam pulis, penari2, penyanyi2 tanah ayer yang terkenal saperti A.T. Zulkifli, Pengiran Yunus Pg Haji Ahmad, Dk. Rohani Pg Manai, Pengiran Ibrahim Pg Ismail, dan pelawak2 terkenal, Sgt Zaini dan Sgt Gillen. Turut bersama mengambil bahagian ia-lah anak2 pulis yang akan mempersembahkan satu nyanyian kanak2 "dot and the kangaroo".

  Isi2 yang menarek di-dalam persembahan itu ia-lah Pasokan Pulis Laut. Penunton2 akan dapat menyaksikan sa-bahagian daripada tanggong-jawab yang mereka lakukan di-dalam pengawalan Sungai Brunei. DSP Awang Abdul Hamid telah memberikan latehan ahli2 Pasokan Pulis Laut dengan jaya-nya. Chuba perhatikan persembahan judo, dan persembahan tonggangan motosikal. ASP Awang Agus Din bin Bilun telah di-berikan tugas untok memberikan latehan2 kapada pasokan motosikal skuad. Beberapa tahun dahulu ini merupakan satu perkara biasa di-dalam upachara2 tertentu, tetapi di-sebabkan oleh bahaya-nya maka ia-nya tidak di-teruskan lagi. sa-hingga sekarang, yang mana mereka mempersembahkan-nya melalui ranchangan RTB.

  Penyanyi terkenal, bekas sa-orang Inspektor Pulis Hongkong yang memegang tali pinggang hitam di-dalam judo, karate, dan tae-kwon-do, Frances Yip telah di-terbangkan khas untok menjayakan ranchangan ini bertempat di-ibu pejabat pulis. Frances Yip akan mendendangkan lagu2 saperti "Dot and the Kangaroo", bersama dengan kanak2 pulis, 'Oh Di-mana", "Widuri" "Gelang Sipaku Gelang". Pastikan awda tidak ketinggalan untok menyaksikan ranchangan "Berhari Raya Dengan Pulis Diraja Brunei". Ia-nya tentu akan mengembirakan penunton2 semua.
- 10.05 EDWARD AND MRS SIMPSON — Episod ke-enam "Proposals"
  Perchetakan British membuang sikap-nya yang selalu berdiam diri itu dan Puan Simpson melarikan diri ka-Peranchis.
- 10.55 SUMBANGSEH AIDIL-FITRI
- 11.35 JAMES LAST IN LONDON
- 12.40 SIARAN TAMAT.



SALAH sa-orang finalis Mutika '79, Ak Osman Pg Damit sedang beraksi mendendangkan sa-buah lagu dalam ranchangan "SUMBANGSEH AIDIL FITRI" dan di-ikuti pula dengan artis2 lain yang terdiri dari Mahani Mohammad, Zaleha Asmad, Dk. Mariam, Rosinah Rosli, M. Noor, Musa Daud, Pungut Metassan dan Ahmad Mokti serta Wina Lim dan Abu Daniel.

# PERUBAHAN SIKAP KA-ARAH SUATU YANG BERERTI

Dari muka 9

periok' untok menyambut menjelang-nya hari raya, kita umat Islam tidak ketinggalan juga berduyun-duyun untok menziarahi kubor saudara2 kita yang telah terlebeh dahulu kembali ka-pangkuan Ilahi. Sambil menjiruskan 'ayeng sasahan' dan menabori bunga di-atas kuboran, tidak ketinggalan kita akan menghadiahkan Fatihah, ayat2 suchi Al-Kor'an atau bertahlil sa-bagai memohon restu kelapangan kapada roh yang telah kembali.

Dalam Islam menziarahi perkuboran menjelang hari raya dan pada hari raya itu sendiri atau pada bila2 masa jua ada-lah suatu perkara yang di-haruskan. Tetapi pada kebanyakan kita umat Islam di-negeri ini perbuatan sa-demikian merupakan suatu yang tidak dapat ketinggalan malah sa-olah2 menjadi suatu kemestian pula untok hanya berziarah ka-perkuboran pada saat demikian, sedangkan jika di-banding-kan dengan hari2 lain sa-lain daripada hari raya sa-bahagian kita tidak bekareh untok menziarahi-nya dan pada sa-bahagian lain pula ada yang tergamak mengurongkan diri-nya untok tidak mahu menziarahi ka-tempat orang kematian. Perbuatan sa-umpama ini perlu sa-kali kita sedari dan insafi akan hakikat serta fungsi yang sa-benar.

## Hindarkan sambutan2 yang tidak bermunafaat

Sa-lain daripada itu, ketibaan hari raya akan juga di-sambut oleh sa-bahagian masharakat Islam pada perkara2 yang kurang menepati hakikat keagongan hari raya ka-arah sambutan2 yang tidak bermunafaat untok muslihat umat dan shi'ar Islam itu sendiri. Umpama-nya mengadakan pesta yang bukan berchorak keugamaan saperti tari-menari dan sa-bagai-nya. Sa-patut-nya keagongan hari raya itu kita sambut dengan mengadakan majlis bermuzakarah dalam hal2 ugama atau mengadakan forum kebangkitan Islam di-samping mengadakan kempen atau kegiatan2 dakwah Islamiah ka-arah perubahan dan pembaharuan umat Islam dalam menghadapi chabaran dunia yang serba menjolok dengan kemajuan yang beraneka ragam.

Sudah menjadi kebiasaan sa-tiap menjelang hari raya saperti juga menjelang-nya awal tahun masehi atau hijrah, perubahan sikap mesti ada. Dan perubahan sikap itu biar-lah kita lahirkan ka-arah suatu yang lebeh bererti bagi diri kita sendiri dan masharakat Islam seluroh-nya sa-panjang hidup kita dan jangan hanya sa-takat waktu demikian kita mengambura berbuat itu dan ini, tetapi sa-telah saat agong itu berlalu kita sudah berubah menjadi manusia yang mati rasa dan semangat untok melakukan sa-suatu yang lebeh berguna.

## Melakukan derma

Sesuai dengan perasaan chinta kita pada ugama, semoga kemeriahan hari raya ini akan kita rasakan dan dapat melahirkan semangat keIslaman yang tegoh di-sanubari di-samping rasa kesedaran baru dalam menempoh hidup sa-barang chabaran hidup. Mari-lah kita menggalakkan diri kita untok melakukan derma ka-arah perkara2 yang berkepentingan untok kebajikan umat Islam seluroh-nya bagi mengenangkan rasa kepiluan ka-atas nasib saudara2 kita yang sa-bahagian-nya hanya mampu meratapi nasib dalam menyambut keagongan hari raya.

Dan dalam hal ini kita perlu bershukor kerana telah menampakkan perhatian kita yang begitu mendalam terutama ka-atas nasib anak2 yatim menerusi beberapa kegiatan derma sejak akhir2 ini. Sudah sa-patut-nya sikap demikian akan terus kita pupok dan teruskan buat masa2 akan datang ka-arah sudut2 yang lebeh menyeluroh semoga derma yang kita sumbangkan itu akan mendapat ganjaran dan hidayah dari Allah s.w.t. di-samping meletakkan diri kita sa-bagai suatu bangsa dalam masharakat Islam yang berhimah dan beramal saleh.

## Bermaaf-maafan

Demikian juga biar-lah kita jadikan kedatangan hari raya ini sa-bagai satu landasan atau saat2 untok bermaaf2an atas segala apa juga kesalahan yang telah kita lakukan di-antara sasama kita dan mudah2an jangan-lah nanti sa-telah kemaafan itu terlepas ia-nya akan berulang kembali dalam hidup kita, kerana perbuatan demikian hanya akan menampakkan sifat2 kekurangan dalam diri kita sendiri.

Dan jangan-lah pula kita sambut kedatangan hari raya ini sa-bagai saat untok kita berseronok-seronok di-luar dari garis2 yang di-redhai oleh Allah s.w.t. sa-umpama berdansa atau berhibur dengan jamuan2 minuman keras atau apa juga bentuk maksiat yang terlarang oleh ugama.

Mudah2an ibadah puasa yang kita tunaikan sa-lama sa-bulan yang berlalu itu benar2 akan mendapat ganjaran di-sisi Allah s.w.t. dan begitu juga kedatangan hari raya ini akan memberi lorong kesedaran dan titek pembaharuan yang menyeluroh dalam hidup kita sa-bagai manusia yang bertanggong-jawab kapada diri sendiri, masharakat, ugama dan negara.



DI-SAMPING kesebokan umat Islam yang lain membeli belah di-mana jua, bagi belia2 ini mereka telah melapangkan masa-nya untok menziarahi perkuboran sanak saudara mereka.



SERBA baru! tentu-nya pembeli yang kelihatan dalam gambar ini juga mahu membeli baju baru (gambar atas) manakala gambar bawah, sa-bahagian dari sudut pusat membeli belah yang terdapat di-ibu negeri tetap mendapat langganan dari pembeli2.





MEMANG tidak semua kita umat Islam mampu untok memantuni keperluan untok memeriahkan kedatangan hari raya saperti yang di-rasakan dan di-hadapi oleh sa-bilangan anak2 yatim yang kehilangan tempat bergantong. Dan kapada mereka itu hari raya hanya akan bersemarak dalam hidup-nya apabila ada belas kasehan dari umat Islam yang lain. Kelihatan dalam gambar ini sa-bahagian dari anak2 yatim yang di-meriahkan dalam satu majlis penyampaian hadiah2 pada tahun lalu di-Daerah Tutong oleh Datin Hajjah Zaharah.

SWORD of Justice: "Port of Entry" mengesahkan sa-orang anggota polis telah terbunoh dan Jack Cole, telah berjaya meyakinkan Maureen, saudara wanita kapada pegawai ini yang maseh marah di-atas kejadian itu. Anggota pulis ini di-bunoh bila dia membongkar satu sindikit jenayah penyeludupan sa-jenis ubat bius yang di-lakukan di-bandar itu. Demi untok mendapatkan liputan berita itu, Jack menchuri2 masok ka-ibu pejabat pulis di-waktu malam dan berjaya melarikan diri sa-telah dia di-tembak dan mendapat chedera di-bahu. Akhir-nya dia terpaksa menyerahkan tugas untok menangkap penjenayah2 itu kapada teman-nya Hector.

Gambar kanan menunjokkan Bert Rosario (kiri) sa-laku Hector Ramirez sedang memberi bantuan kapada Jack Cole yang chedera dalam satu adegan dalam "Port of Entry".







...an peranan penting dalam siri ko-...chael Landon sa-bagai juruachara-...iri), Fred Flintstone (atas kanan), ...berry Hound (bawah kanan).
...saksikan dalam ranchangan "The ...







ERIC Morecambe dan Ernie Wise (gambar atas) dua orang pelawak yang kini sedang di-sanjong nama-nya juga menghiborkan awda pada Hari Raya ini. Saksikan-lah sendiri telatah jenaka mereka yang yunik itu.



SA-BUAH pemandangan dari episod "The Incredible Hulk" pada hari Ahad ini yang berjudol "Killer Instinct".

Dalam cherita ini Banner bekerja sa-bagai sa-orang pembantu jurulateh dalam sa-buah kumpolan bolasepak yang bertaraf professional. Bagaimana dia gagal untok mendapat bantuan dan sebalek-nya pula dia yang terpaksa menghulorkan-nya kapada mereka.

KOJAK — "A Summer Madness" cherita ini mengesahkan sa-buah kapal pengebom telah membuat sasaran-nya dan membunoh mangsa2 yang tidak berdosa bila satu letopan meletus akibat dari satu lemparan bom yang di-lemparkan menuju tingkap sa-buah restoran di-Manhattan.

Dalam masa mereka menchuba untok meleraikan masa-alah itu bersama, Kojak dan orang2-nya bertemu dengan kematian demi kematian tanpa menyedari yang sa-orang dari ahli tentera, Jeff Braddock, telah kehilangan teman wanita-nya dalam kejadian itu dan kenyataan yang menunjokkan isteri-nya, Molly, terlibat dalam kejadian pengeboman itu.

Gambar kanan kelihatan Telly Savalas (tengah) yang kelihatan-nya merasa bingong melihat kejadian yang berlaku dalam "The Summer Madness".






LISTEN to a feast of Hari Raya music and comments in RADIOSCOPE HARI RAYA SPECIAL on Friday 24th August at 12.00 noon. Vivien is hosting the programme. Others (left to right) are Siti Aisah Abdullah, Pg Rohana bte YTM Pg Temenggong, Awang Mustapha Haji Abdul Rahman, Ustaz Abdul Mokti Daud. The repeat programme can be heard on Tuesday 28th August at 8.30 p.m.

# SUSUNAN RANCHANGAN RADIO UNTOK HARI RAYA

## JADUAL "A"

Ini-lah Susunan Ranchangan JIKA ANAK BULAN SHAWAL NAMPAK DI-LIHAT PADA PETANG 23HB OGOS, 1979.

**Peringatan :** (Jika anak bulan Shawal tidak nampak di-lihat pada 23hb Ogos, 1979, maka susunan ranchangan biasa akan terus di-ikuti sa-hingga 10.30 malam).

**PETANG**

5.00 Harian Radio
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Siri Mukkaddam
6.00 Mari Berdikir
Menjelang Sungkai
Bedok dan Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Chitra Irama
7.30 Pengumoman Anak Bulan Shawal 1399
7.46 Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita2 dalam Bahasa Dusun/Iban
8.30 Perutusan Hari Raya
8.45 Takbir Aidil Fitri
9.00 Esok Hari Raya
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Drama Di-Malam Raya
11.00 Sa-Rangkai Kata Sa-Titek Rasa

**T/MALAM**

12.00 Permintaan Talipon

**PAGI**

3.00 Di-bawah Alunan Takbir
3.30 Gurindam Aidil-Fitri
4.00 Rampaian Aidil-Fitri
4.30 Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Fardzu Suboh
Bachaan Tarhim
Azan Suboh
Menunaikan Sembahyang Suboh
5.15 Qasidah
5.30 Bachaan Al-Kor'an.
6.00 Takbir Aidil-Fitri.

## JADUAL "B"

Ini-lah Susunan Ranchangan Siaran Bahagian Melayu Radio untok 24hb Ogos, 1979.

(JIKA ANAK BULAN SHAWAL TIDAK NAMPAK DI-LIHAT PADA 23HB. OGOS, 1979)

**PETANG**

5.00 Harian Radio
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat
6.00 Mari Berdikir
Menjelang Sungkai
Bedok dan Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Takbir Hari Raya
Perutusan Hari Raya
7.30 Selamat Hari Raya (Lagu2)
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Sketsa Rama
9.00 Esok Hari Raya
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Pimpinan Illahi
10.15 Drama Di-Malam Raya
11.00 Sa-Rangkai Kata Sa-Titek Rasa

**T/MALAM**

12.00 Permintaan Talipon

**PAGI**

3.00 Di-bawah Alunan Takbir
3.30 Gurindam Aidil-Fitri
4.00 Rampaian Aidil-Fitri
4.30 Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Fardzu Suboh
Bachaan Tarhim
Azan Suboh
Menunaikan Sembahyang Suboh
5.15 Qasidah
5.30 Bachaan Al-Koran
6.00 Takbir Aidil-Fitri.

## HARI RAYA PERTAMA

**PAGI**

6.00 Takbir Aidil-Fitri — Masjid
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.05 Takbir dan Menunaikan Sembahyang Hari Raya dari Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan
Perutusan Hari Raya
9.00 Nashid Aidil-Fitri
9.30 Sandiwara Radio
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Keluarga Si-Awang Berhari Raya
10.45 Senda Gurau
11.30 S. Ros dan Sumadi Show

**T/HARI**

12.27 Azan Dzohor
12.30 Rampaian Aidil-Fitri
12.45 Tanda Waktu dan Warta Bertia
1.00 Dendang Si-Juruhebah Radio dan TV

**PETANG**

3.00 Keluarga Jaya Berhari Raya
3.45 Azan Asar
3.47 Pulis Diraja Berhari Raya
4.45 Harian Special
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Gambus Aidil-Fitri
6.30 Lagu2 Qasidah
6.35 Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Salam Mesra Aidil-Fitri
7.46 Azan Isha
8.00 Tanda Makta dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Muda Mudi di-Aidil-Fitri
9.00 Lagu2 Berentak Joget
9.30 Uchapan Penuntut2 di-Seberang Laut
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Permintaan Melalui Talipon
11.45 Membachakan Susunan Ranchangan Esok
11.50 Do'a Restu
11.59 Uchapan Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei
Siaran Melayu Tamat.

## HARI RAYA YANG KEDUA

**PAGI**

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Koran dan Makna-nya
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Pimpinan Illahi
7.05 Dendang Hari Raya
7.30 Rampai Sari Aidil-Fitri
8.00 Bintang2 RTB
8.45 Astagah Mengapa Kian
9.30 Tetamu di-Hari Raya
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Jenakarama
11.00 Kanak2 Berhari Raya

**T/HARI**

12.00 Tetamu di-Hari Labaran
Azan Dzohor
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Pesta Ria Aidil-Fitri

**PETANG**

2.00 Terima-lah Sampul Surat Ku
2.30 Dari Jauh Berkirim Salam
3.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
3.15 Drama Radio
Azan Asar
4.00 Persembahan Kami Dari RTB
4.45 Berhari Raya di-Rumah Awda
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Muzika Aidil-Fitri
6.30 Irama Padang Pasir
Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Berhari Raya ka-Kampong-Kampong
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Permintaan Parajurit
9.30 Uchapan Penuntut2 di-Seberang Laut
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Permintaan Melalui Talipon
11.45 Membachakan Susunan Ranchangan Esok
11.50 Do'a Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei
Siaran Melayu Tamat.

## HARI RAYA YANG KETIGA

**PAGI**

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Koran dan Makna-nya
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Pimpinan Illahi
7.05 Dendang Hari Raya
7.30 Mari Berpantun
8.15 Dendang Bakat Baru dan Lama
9.00 Senandong Parajurit
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.10 Senandong Budaya
11.00 M. Nordin dan S. Mariam Show

**T/HARI**

12.00 Sandiwara Radio
12.26 Azan Dzohor
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Persembahan Pencharagam
1.30 Bingkisan Hari Raya

**PETANG**

2.00 Pentas Antara Bangsa
2.45 Senyum-lah Awda
3.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
3.15 Pentas Pop
3.43 Azan Asar
4.00 Drama Bersajak
4.45 Autograph di-Aidil-Fitri
5.15 Dengar-lah Persembahan Ku
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Chitra Irama
6.15 Lagu2 Padang Pasir/Dakwah
6.33 Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Salam Mesra di-Aidil-Fitri
7.44 Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Sketsa Rama
9.15 Uchapan Penuntut Seberang Laut
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
11.45 Membachakan Susunan Ranchangan Esok
10.10 Permintaan Melalui Talipon
11.50 Do'a Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei
Siaran Melayu Tamat.

## HARI RAYA YANG KE-EMPAT

**PAGI**

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Koran dan Makna-nya
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Pimpinan Illahi
7.05 Dendang Hari Raya
7.30 Pencharagam Sekolah2
8.30 Ruangan Ketani
9.15 Panggong Drama
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Persembahan Pencharagam
10.45 Berhari Raya dengan Kaki Tangan Shell
11.30 Berbalas Pantun

**T/HARI**

12.15 Senandong Ria
12.26 Azan Dzohor
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Pesta Ria Aidil-Fitri

**PETANG**

2.00 Dari Kami RTB No. 2
3.00 Langgam Suara
3.30 Drama
3.43 Azan Asar
4.15 Pencharagam Tanah Ayer
4.45 Harian Radio
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Sha'er Masharakat
6.15 Hiboran Di-Senja
6.33 Azan Maghrib
Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

**MALAM**

7.00 Di-bawah Alunan Takbir
7.30 Gurindam Aidil-Fitri
7.44 Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Drama di-Malam Raya
9.15 Uchapan Penuntut di-Seberang Laut
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.10 Senandong Malam
11.50 Do'a Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei
Siaran Melayu Tamat.



ALNG-KAH gembira-nya suasana Hari Raya penoh gurau senda dan gelak ketawa. Semua ini terdapat ketika menjayakan rakaman ranchangan radio 'Pulis Diraja Berhari Raya'. Para pendengar akan dapat mengikuti ranchangan di-atas melalui Radio Brunei pada Hari Raya Pertama jam 3.47 petang.



RANCHANGAN Pesta Hari Raya yang di-rakamkan di-beberapa daerah di-negeri ini akan menemui para pendengar di-Hari Raya pertama, kedua dan ketiga.

# PERADUAN MAIN GASING

TUTONG. — Peraduan Bermain Gasing ada-lah merupakan salah satu achara yang akan di-adakan dalam Pesta Tamu Ria yang akan berlangsong di-Pantai Seri Kenangan di-sini pada 2hb depan.

Peraduan yang terbahagi kapada tiga bahagian itu ada-lah terbuka untok mereka dari seluroh negeri yang berminat di-dalam permainan tersebut.

Pemenang dalam peraduan itu nanti akan menerima piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husssein selain dari hadiah2 daripada Ahli2 Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Daerah Tutong.

Borang2 penyertaan sekarang boleh di-dapati daripada Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di-Pejabat Penerangan Tutong, Awg Asmat bin Haji Salleh di-Kampong Sengkurong dan Awang Ibrahim bin Lakim di-Jabatan Talikom di-Bandar Seri Begawan.

Semua borang2 hendaklah di-kembalikan kapada yang berkenaan tidak lewat dari 28hb ini.



PERLAWANAN akhir ping-pong bagi daerah Belait sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-33 tahun telah berlangsong minggu lalu di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

Lebeh dari 300 orang pemain telah menyertai perlawanan tersebut. Ini termasok-lah beberapa orang pemain perempuan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu.

Gambar atas menunjokkan satu dari perlawanan dalam bahagian perempuan yang di-jalankan dalam perlawanan tersebut.

## MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

# PERTAHANAN MENYERANG

OLEH:
STEWART WAVELL

**Siri ke-40**

TINDAK-balas pertama bagi sa-orang pemain permulaan — satu tindak-balas yang sa-mulajadi — ada-lah untok mempertahankan buah-chator yang kena serang atau menggerakkan-nya ka-tempat yang lebeh selamat. Pemain2 yang berpengalaman pun maseh bertindak-balas saperti itu. Tetapi awda dapat bertindak-balas dengan chara yang lain. Tanyakan diri sendiri: ia menyerang saya, jadi bagaimana saya dapat menyerang-nya? Suborkan naluri serang-balas. Awda tidak dapat melakukan-nya dalam sa tiap gerak tetapi awda dapat selalu melakukan-nya. Jadikan *lawan* awda menari mengikut rentak *awda*. Dengan chara ini awda dapat menyusun buah-chator awda ka-kedudokan untok serangan, dan dalam masa yang sama mengurangkan tekanan serangan lawan ka-atas awda.

Sicilian Defence ada-lah satu pembukaan saperti itu. Gerak pertama Hitam menchabar usaha Puteh untok menguasai bahagian tengah. 1. B-e4, B-c5! Bidak sa-belah Hitam mengancham untok makan Bidak Puteh yang di-tengah-tengah jika ia bergerak ka-petak d4. Jadi mungkin di-antara semua pertahanan, Sicilian Defence ada-lah yang paling tajam dan sesuai bagi pemain2 yang sukakan pertarongan hebat; tetapi awda mesti-lah mahir mengetahui-nya, kalau tidak awda dengan mudah akan melakukan kesalahan. Pada rak buku saya di-rumah, saya nampak tajok2 ini: The Sicilian Dragon", "The Sicilian Accelerated Dragon", "The Sicilian Richter-Rauzer", "The Sicilian Scheveningen", "The Sicilian Najdorf", "Sicilian . . . e5", "The Sicilian Sozin", dan "Sacrifices in the Sicilian". Sa-tiap buku mengandongi beribu-ribu variasi. Dan ini chuma beberapa karya yang di-terbitkan khusus mengenai pertahanan ini. Dalam ruangan satu artikal ini, saya hanya dapat menyentoh sa-chara ringkas ka-atas satu versi — Sicilian Dragon — kerana ini ada-lah salah satu bentok pertahanan yang paling popular, dan saya perhatikan anak2 muda di-Brunei sering memainkan-nya.

Sicilian Defence telah di-ketahui sejak kurun ke-16 tetapi pada masa itu variasi2 yang terdapat hanya-lah di-mana Hitam bermain awal . . , B-e6 atau B-e5. Pada sa-paroh terakhir kurun ke-19 Paulsen dan Lowenthal mengembangkan beberapa variasi yang sekarang mengandongi nama mereka.

Hanya-lah sa-lepas tahun 1920an yang Sicilian Dragon munchul menjadi terkemuka, memperolehi kemenangan2 besar dalam perengkat master. Dalam tahun 1950an orang2 Yugoslav mengunakan-nya dengan variasi lama B-f3 dan 0-0-0 oleh Puteh. Sejak itu ramai grandmaster telah menggunakan Sicilian Dragon dalam permainan chator antarabangsa, tetapi di-sebabkan oleh sa-suatu, kemenangan ada-lah lebeh banyak diperolehi oleh Puteh. Jadi, sa-kali lagi saya ingatkan, berhati-hati-lah. Sabagai chontoh tentang apa yang saya katakan itu, berikut ada-lah satu permainan yang termashor antara Karpov dengan Kochnoi di-mana Karpov bermain Puteh dengan jaya-nya menggunakan serangan Velimirovic melawan Scilian Dragon. Dalam permainan ini Karpov mendahului lawan-nya apabila kedua-dua chalon perengkat akhir ini mula-mula bertemu dalam tahun 1974 dengan harapan untok menchabar Bobby Fischer bagi kejuaraan dunia.

1. B-e4 B-c5
2. K-f3 B-d6
3. B-d4 BxB
4. KxB K-f6
5. K-c3 B-g6
6. G-e3 G-g7
7. B-f3

Ini-lah gerak yang saya katakan di-sukai oleh orang2 Yugoslav. Biasa-nya gerak ini mendedahkan Raja Puteh kapada serangan Menteri pada pepenjuru petak h4 hingga petak e1 Tetapi dalam hal ini gerak itu memperkuat serta membantu Bidak Raja yang di-tengah-tengah dan juga menghalang Kuda Hitam daripada ka-petak g4 untok menyerang Gajah Puteh di-petak e3. Sudah tentu Gajah Puteh mesti-lah mula-mula di-tempatkan pada petak e3, kalau tidak Menteri Hitam pada petak b6 akan banyak menimbulkan gangguan dengan menghalang Puteh berkubu di-sabelah bahagian Raja dan juga menyerang bidak Puteh pada petak b2.

7. . . . K-c6
8. M-d2 0-0
9. G-c4

Ini-lah gerak serangan yang di-gemari oleh Bobby Fischer melawan Sicilian Dragon. Tal gemar meletakkan Gajah-nya pada petak d3 dan pemain2 defensif aakn gembira meletakkan-nya pada petak e2.

9. . . . G-d7
10. B-h4 T(a8)-c8

Buat beberapa lama-nya gerak 10. . . ., M-a5 ada-lah sangat popular, tetapi telah di-temui bahawa dengan meletakkan Menteri pada petak a5 bukan-nya langsong tanpa kelemahan: kemungkinan2 yang ia nanti di-ganggu oleh K-b3 nampak-nya memberi kebimbangan yang khusus.

11. G-b3 K-e5
12. 0-0-0 K-c4

Hitam mesti makan-memamakan dengan salah satu Gajah Puteh yang ganas itu sabelum serangan itu menjadi terlalu mengancham.

13. GxK TxG
14. B-h5 !

Sa-chara otomatik hampir-hampir merupakan satu korban Bidak dalam kedudokan saperti ini; menyingkirkan Bidak di-lorong 'h' menambah peluang2 serangan Puteh di-lorong 'h'.

14. . . . KxB
15. B-g4 K-36
16. K(d4)-e2!

Ranchangan Puteh ada-lah untok makan-memakan Gajah pada petak h6, mengusir Kuda dari petak f6, dan akhir-nya merempoh masok melalui lorong 'h'. Gerak 16. K-e2 ada-lah untok menyediakan gerak B-g5 yang akan di-hadang oleh . . K-h5, apabila serangan itu dapat di-ikuti oleh K-g3 atau K-f4 untok menyingkirkan sekatan pada lorong yang terbuka itu. Perkara lain yang lebeh penting daripada gerak K-e2 itu ada-lah perlindongan yang di-berikan-nya kapada Kuda yang satu lagi pada petak c3. Tindak-balas permainan Hitam selalu-nya bergantong kapada kemungkinan . . . TxK(c3), mengorbankan makan-memakan untok memechahkan Bidak2 Puteh di-sabelah bahagian Menteri; dengan petak c3 di-lindongi oleh Kuda yang satu lagi itu perkara tersebut tidak mungkin berlaku.

16. . . . M-a5
17. G-h6 GxG
18. MdG T(f8)-c8
19. T(d1)-d3

Memberi bantuan tambahan kapada Kuda yang terancham pada petak c3.

19. . . . T(c4)-c5
20. B-g5

Hitam ingin bergerak K-d5 untok makan-memakan dengan Kuda Hitam, tetapi terlebeh dahulu Tihir Hitam mesti-lah di-umpan lari dari lorong 'c'. Korban kedua Bidak ini ada-lah permulaan satu kombinasi kechil yang berkesudahan dengan kehanchoran binaan defensif Hitam.

20. . . . TxB
21. T-d5 TxT
22. KxT T-c8
23. K-f4! G-c6
24. B-e5

Perchubaan untok melakukan mat dengan 24. KxK asah, BxK; 25. K-h5 gagal kerana 25. . ., M-g5 asah! Gerak teks itu menyekat pergerakan Menteri ka-petak g5, oleh yang demikian 24. . . ., BxB ada-lah di-balas dengan 25. KxK asah, BxK; 26. K-h5, BxK; 27. T-g1 asah. Korchnoi memainkan satu-satu-nya gerak lain yang terdapat tetapi itu pun tidak ada harapan.

24. . . . GxK
25. BxK BxB
26. MxB asah R-f8
27. M-h8 asah Hitam menyerah kalah.

Sa-lepas 27. . . , R-e7; 28. KxB asah, MxK; 29. T-e1 permainan itu sudah berakhir.

Satu permainan serangan yang chantek oleh Karpov yang tentu menakutkan banyak pemain daripada menggunakan Sicilian Dragon pada masa akan datang.

# 3P KUTA SUMBANGKAN DERMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Gabongan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Ujong Tanjong dan Kuala Peminyak (3P KUTA) telah mendermakan wang berjumlah $1.200.00 kapada sa-ramai 48 orang anak2 yatim, ibu2 janda dan orang2 yang kurang keupayaan yang terdapat di-kedua2 buah kampong tersebut.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan oleh Penasehat Persatuan, Dato Paduka Haji Md Ali bin Haji Md Daud di-satu Majlis Penyampaian Derma Amal yang telah berlangsong di-Kampong Ujong Tanjong pada 11hb Ogos, 1979 yang baru lalu.

Setia Usaha Agong Persatuan, Awang Ismail bin Awang Hapidz menyatakan yang wang derma itu ada-lah merupakan sebahagian daripada hasil sewa kedai gunting Persatuan 3P KUTA yang terletak di-Bangunan IBUNDAJAYA di-sini.

Menurut beliau lagi di-tahun2 yang sudah persatuan-nya telah pun membuat derma2 serupa dan berharap agar di-tahun2 hadapan akan dapat mengusahakan lagi derma amal yang sedemikian sa-bagai sedikit bantuan kapada mereka yang berkenaan.






KELIHATAN Awang Md Nasir bin Mustafa, johan bahagian remaja sedang menerima perisai kemenangan-nya dari Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Puasa bin Tudin.

# Perlawanan chator Daerah Tutong

TUTONG. — Perlawanan akhir chator sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang Ke-33 tahun bagi daerah Tutong telah berlangsong akhir bulan lalu bertempat di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini.

Perlawanan yang terbahagi kapada dua bahagian itu telah di-menangi oleh Awang Yaakub bin Haji Yusof dari Kampong Sengkarai dalam bahagian dewasa. Beliau juga telah memenangi oskar rebutan daripada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Sa-orang penuntut dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Awang Md Nasir bin Mustafa telah munchol menjadi johan dalam bahagian remaja dan telah memenangi hadiah rebutan yang berupa perisai yang telah di-hadiahkan oleh Orang Kaya Lukan bin Uking.

Satu upachara penyampaian hadiah oleh Yang Berbahagia Pemangku Pegawai Daerah Tutong Awg Puasa bin Tudin untok johan2 dan peserta2 dalam perlawanan tersebut telah di-adakan di-tempat yang sama.

# BA TRAIN PILOTS WITH RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei has signed an agreement to carry out training on its own Boeing 737 aircraft in Brunei for British Airways.

An RBA statement said through this training, Royal Brunei is able to make profitable use of spare time on its aircraft when all 737s in Europe are fully committed during the summer peak season.

British Airways at present has no 737s but during 1980 will take delivery of 18 and therefore has a very large programme to train pilots to fly this type of aircraft.

The six British Airways pilots in Brunei will become training Captains on the 737 for British Airways and after completing their conversion to the 737 in Brunei will stay on until the end of the year gaining flying experience with Royal Brunei.

During this flying Royal Brunei's aircraft will always remain under the command of one of Royal Brunei's own captains.

Instruction has been given by training captains of Britannia Airways who are at present the largest operator of 737 aircraft in the United Kingdom.

The instructors have also completed the conversion training of six Britannia Airways pilots who return to U.K. as soon as the training is complete.

Commenting on the agreement, the Airline's General Manager, Mr Douglas said: "We are delighted to be able to assist British Airways in this training and for the confidence in Royal Brunei shown by British Airways in agreeing to have their pilot training carried out with us. I am sure that we will also benefit from the experience of the British Airways pilots while they are flying with us during the rest of this year".

## A first for Brunei Students in UK

BANDAR SERI BEGAWAN.—The first religious teacher to work with the Brunei Government Agency in London has been selected.

He is Awang Haji Zainal bin Abdul Kahar, a teacher at the Pengiran Puteri Anak Masna Religious School in Mile One Jalan Tutong here.

Awang Haji Zainal, who will serve the Agency for two years, will look after the religious needs of the Brunei students in the United Kingdom.

## Business Course For 24

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty-four members of the Brunei State Chamber of Commerce last week attended a three-day management course held at the Churchill Memorial Complex here.

The Chamber organised the course aimed at developing managerial skills and better management-employee relations.

During the course the participants were given talks on management practices by a senior lecturer of Business Studies at the Manchester Polytechnic in the United Kingdom.

## Births and Deaths

BANDAR SERI BEGAWAN. — The births and deaths of British subjects, citizens of the United Kingdom and colonies can be registered at the British High Commission.

A British High Commission statement disclosing this said this does not in any way affect the obligation under Brunei law to register births and deaths with the Registrar of Births and Deaths for the State, but — provided citizenship is established — it does enable births and deaths to be registered with the Registrar General at St Catherine's House, Kingsway in London.

The statement said in certain circumstances the registration of a birth can be of particular importance in preserving the child's claim to British nationality.

Under the provisions of Section 5(1) (b) of the British Nationality Act 1948, registration of birth at a British consulate is essential for the acquisition of citizenship of the United Kingdom and Colonies by children of the second and subsequent generations of United Kingdom citizens born abroad.

Further information can be obtained from the Consular Section of the High Commission, Room 44, Fifth Floor, Hong Kong Bank Chambers, telephone BSB 26001.



The Chief Librarian at the Language and Literature Bureau, Miss Thelma Salazar presenting prizes to one of the winners in the book colouring and illustration competition.

## A BAN FOR UNLICENED LIQUORS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Customs officers have been instructed to refuse entry to alcoholic drinks brought by unlicensed persons and firms.

The instruction was contained in a circular issued last week by the Controller of Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

The circular said however that exception would be made to alcoholic drinks brought for personal consumption.

It said licences for alcoholic drinks are issued by the Alcoholic Drinks Licensing Board.

The circular continued it is understood several unlicensed firms have been bringing alcoholic drinks into the State for sale thus contravening the Licensing Board regulations and Excise Laws.

It pointed out that it must be understood that the Licensing Board has conditions as regards the issue of licences and that not all applications are given the licences.

The circular stressed that the refusal to issue the licences should be respected and adhered to and should not serve as the basis for contravening the regulations and laws.

## Body to Look After Students

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Planning, Research and Guidance Unit of the Education Department has set up a new body called the Temporary Training Scheme Committee.

The body will look after the welfare of students of the Sixth Form Centre who have taken their Advanced Level Examinations and are waiting to go overseas to further their studies.

These students usually have to wait some months before knowing their results and being sent abroad on scholarship.

During the waiting period, the committee aims to help the students look for temporary employment in the Government and private sector.

## Three take up courses in UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three members of the Royal Brunei Malay Regiment last week left for Britain to take up courses there.

One of them, Lieutenant Sharifuddin bin Pehin Dato Haji Mohammad will attend a thirteen-month commercial pilot course.

Lieutenant Sharifuddin is the first local pilot to attend such a course.

The other two, Warrant Officer Two Roslee bin Ahmad from the First Battalion and Staff Sergeant Ahmad bin Mat Sahat from the Second Battalion will attend a six-week course in arms drill.

During the course they will be attached to the All Arms Drill Wing at Pirbright in Surrey.

## Hari Raya Moon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Officials from the Religious Affairs Department and the Survey Department will go to vantage points throughout the State tomorrow evening to look for the moon which will mark the beginning of the Musim month of Shawal.

If the moon is sighted that evening, Hari Raya will start on Friday, but if not, then Muslims will fast another day and begin the Hari Raya on Saturday.

Whichever day it is going to be, Government servants in the State can expect a four-day weekend.

## Agent Returns to UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Assistant Brunei Government Agent in London, Dato S J Clark, returned to London last Wednesday after a month's stay in the State.

While in Brunei, Dato Clark attended celebrations to mark the thirty-third birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan and had talks with the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin and the State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Dato Clark has been in the service of the Brunei Government for twenty-two years.

## RBMR Officers Visit Shell

SERIA. — Twelve officers from the Royal Brunei Malay Regiment last week visited the Brunei Shell Petroleum Company here and its offshore installations.

The group, led by the Deputy Commanding Officer of the Tutong-based Second Battalion Pehin Datu Harimau Padang Major Haji Hussain, first toured the construction yard and Information Center.

Afterwards they flew by helicopter to the newly opened Drilling Tender 'TENAGA' and from there they proceeded to a drilling rig in the Champion Field.

## Singing Contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Welfare, Youth and Sports Department's Drama and Music Body is to hold a singing contest for youths aged between fifteen and twenty-one.

The contest sponsored by the Koka Mee Company is scheduled to take place at the Youth Centre here in the middle of next month

Those wishing to take part in the contest are advised to get the entry forms available from the Department here and in Kuala Belait before the closing date tomorrow.

## Pay Tithes Before Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Moslems in the State have been reminded to pay the annual tithes before Hari Raya.

The tithe is one dollar ninty-seven and half cents each in the Brunei District; one dollar ninety and five eighth cents each in the Tutong and Muara districts; one dollar ninety-three and three quarter cents each in the Belait and Temburong districts.

The tithe is being collected by one hundred and twenty-nine people specially appointed by the Religious Affairs Department throughout the State.

Meanwhile the Brunei Religious Council is giving a sum of fifty thousand dollars to needy people in the Brunei Muara District in conjunction with the Hari Raya.

The money is being distributed to the needy people on behalf of the Council by ninety-seven tithe collectors.

Orphans in the district are also receiving cash gifts for the Hari Raya.

The money is given to them by the Brunei-Muara Orphanage Fund which is distributing more than ten thousand dollars.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI BIDAN DI-ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Bidan di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 dan te-lah menjalani serta lulus sa-suatu kursus Perbidanan yang di-iktiraf. Hendak-lah mem-punyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman yang berkaitan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 2 — B $383-395-408-421 - 434 - 446-459-472-485-497-510-523 - 536 - 548 /EB/ 561-574-587-599-612-625.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kont-rek selama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamat-kan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchuba-an.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kena-kan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan. Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb September, 1979.

(E/83/74 — Bil: 132/1979)

## Sa-bagai Penjaga Malam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 ada-lah sa-baik2-nya berumor di-antar 30 dan 40 tahun dan mesti-lah ber-badan sehat. Hanya mereka yang tinggal berdekataan de-ngan Steshen Perikanan Muara di-kehendaki memohon.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja 8 jam sa-chara bergilir (shift) sama ada dari jam 4.00 petang hingga 12.00 malam atau dari jam 12.00 malam hingga 8.00 pagi. Tugas2 jawatan ini termasok-lah mengawasi keselamatan ka-pal penyelidek dan bot2 Jaba-tan Perikanan dan memelihara dan menjaga jentera2, perka-kas2 dan kawasan Steshen Per-ikanan Muara.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2 EB. 3 — $306-312-319-325-332-338-344-351 /EB/ 357-363-370-376-383.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohon-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Septem-ber, 1979.

(E/888/71 — Bil : 138/1979)

### TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, on Tuesday, 4th September, 1979.

a) Station Wagons

1. 3 units of 3 or 5 door Station Wagon to be used as vehicles for mails.
2. 4 cyclinder petrol engine, not exceeding 1200 cc, with fast moving parts.
3. With at least 800 lbs load and plenty of useful space for parcels and mails.
4. Rear seat (if any) should be collapsible with wide opening rear door or gate for loading and unloading.
5. To be painted in Post Offices red complete with white letterings (in Jawi and Rumi) on both sides — Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.
6. Fitted with a 5 lb. BCF Fire Extinguisher.

b) Van

1. 2 units of Van for parcel and mail conveyance with wide opening side or rear door.
2. 4 cyclinder petrol engine, powered around 1600 cc., with fast moving spares.
3. To be fitted with a 5 lb. BCF Fire Extinguisher.
4. With finish paint work in Post Office red complete with letterings in white on both sides — Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.
5. Load : approximately 1 ton, with a big capacity for mails.

2. Tenders must be submitted in plain sealed envelope with no indication of the name and address of the tenderer and should be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
Government Offices,
Brunei

clearly marked ""TENDER FOR STATION WAGONS OR VANS".

3. The date of the delivery of these items should be clearly indicated.
4. Tenders received after the time and specified above will not be considered.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, GADONG — PHASE II**

REGISTERED Electrical Class 'A' Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Elec-trical Services to Proposed Department of Security and Intelligence Gadong—Phase II.

Tender document can be ob-tained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd August, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon 11th Septem-ber, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRI-CAL TO PROPOSED DE-PARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, GA-DONG — PHASE II.

Our client, The Government of Brunei, do not bind them-selves to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICES

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board at the office of the State Financial Officer, Gov-ernment Office, Bandar Seri Begawan, Brunei for :—
THE PROPOSED ARMY WORKS PART I SER-VICES (SPECIAL FLOOR FINISH) AT SERIA, BRUNEI.
2. Tender documents may be obtained from the office of : —
Akitek Bersatu,
148, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
from 22nd August 1979 on-wards during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $500.00.
3. Tender deposit will be re-funded to non-successful ten-ders who have submitted bona fide tender and on the return of tender document in good condition.
4. Tenders must be submitted in the envelopes provided and must reach the office of: —
The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
not later than 12.00 noon, 18th September, 1979. Tenders re-ceived after the stipulated time will be rejected.
5. The Government of Brunei is not bound to accept the low-est or any tender.

## Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkelayakan yang se-dang berkhidmat dengan Kera-jaan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Tek-nik Kanan di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah mempu-nyai kelulusan Ordinary Na-tional Diploma in Land Sur-veying atau kelayakan yang se-banding dengan-nya atau pun mempunyai kebolehan yang ter-bokti dengan-nya atau pun mempunyai kebolehan yang ter-bokt iserta sekurang2-nya 5 ta-hun pengalaman sa-bagai sa-orang pekerja ukor tanah de-ngan memegang sa-suatu jawa-tan yang bertanggong-jawab. Mereka juga perlu tahu chara2 menggunakan alat2 elektronik ukoran jaark. Kelulusan da-lam matapelajaran Ilmu Hisab di-perengkat "Biasa" atau bokti telah menuntut hingga ka-peerngkat "Biasa" ada-lah sua-tu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menyelia kumpolan2 pekerja luar ukor di-mana2 tempat di-dalam negeri, dan mesti-lah bersedia untok mene-tap di-mana2 daerah. Mereka mesti-lah juga bersedia untok menjalani latehan di-seberang laut jika perlu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 —$1071-1109-1148-1186--1224-1275-1326 - 1377 - 1428 / E B / 1479-1530-1581-1632-1683. Ga-

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Septem-ber, 1979.

Rujokan E/1081/75.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Grade A and B electrical and mechanical services contractors up to 12.00 noon on Monday 10th Septem-ber 1979 for : —
ELECTRICAL AND ME-CHANICAL SERVICES INSTALLATION, DE-PARTMENT OF AGRI-CULTURE RICE MILL, JERUDONG, BRUNEI.
2. Before the tender docu-ments can be issued, tenderers must shown proof that they are currently registered and ap-proved Grade A and B Con-tractors.
3. Tender documents can be examined at and obtained from the office of the Architects,
John R. Harris Architects,
401, Seri Complex,
1¼ M. Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
during normal office hours.
4. Tenders received after the stated time will be rejected.
5. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and must be marked: "Electrical and Me-chanical Services Installation, Department of Agriculture Rice Mill, Jerudong, Brunei".
6. The tender deposit is $300.00 made payable to the Architects which will be re-funded to each tenderer upon receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
7. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### FISHERIES DEPT. TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to 12.00 noon on Thursday 13th September, 1979, for the:
SUPPLY OF ONE UNIT 19-FOOT PATROL BOAT WITH SELF-BAILING WELL AND FOAM-FILL-ED BOUYANCY CHAM-BERS. THE HULL SHOULD BE SUITABLE FOR WORKING IN ROUGH CONDITIONS. THE BOAT TO HAVE DARK BLUE HULL AND ORANGE TOP.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders should be submit-ted in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or address of the Tender-er, and each should be clearly marked:
TENDER FOR PATROL BOAT — FISHERIES DEPARTMENT
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### PENGELUARAN LESEN2 TEKSI DAERAH2 BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG

ADA-LAH dengan ini di-ma'alomkan bahawa Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa akan mengeluarkan lesen2 teksi saperti berikut : —

(a) 5 LESEN TEKSI DAERAH BRUNEI DAN MUARA.
(b) 1 LESEN TEKSI DAERAH TEMBURONG.

2. Lesen2 teksi bahagian (a) di-atas ada-lah khas untok pen-dudok2 Daerah Brunei dan Muara sahaja, manakala bahagian (b) bagi pendudok2 Daerah Temburong. Pemohon2 mesti-lah berbangsa Brunei atau yang telah mendapat taraf keraayatan sa-bagai raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Mereka hendak-lah tidak meme-gang sa-barang jawatan di-dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Brunei, sharikat2 atau firma2, sama ada bergaji bulan atau ber-gaji hari. Pemohon2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki me-ngusaha dan memandu sendiri teksi2 mereka. Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya kelas 3 dan di-akui sehat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

3. Mereka2 yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan2 mereka belum dapat di-pertimbangkan kerana sa-masa mereka memohon itu belum ada kekosongan lesen teksi yang di-maksudkan boleh-lah memohon semula, jika mereka mahu berbuat demikian untok pertimbangan Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa.

4. Semua permohonan hendak-lah menggunakan borang2 permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Daerah Temburong dan Ibu Pejabat Pengang-kutan Darat, Jalan Gadong, Brunei. Permohonan2 mesti-lah sampai di-Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 3hb September, 1979 jam 4.00 petang. Permohonan2 yang lewat di-terima tidak akan di-layani.

### KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

**SURAT KUASA PeSAKA No. 34/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bibi anak Brandah, d/a Barek Polis Panaga, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Michael Unting anak Libai yang telah meninggal dunia di-Kuala Be-lait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 35 OF 1979**

APPLICATION to this Court having been made by Mantai anak Luai of Kampong Sungai Duhun, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Adminis-tration to the estate and effects of Ulin anak Nupang @ Num-pang late of Kuala Belait, Bru-nei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

**No. 36/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Rapong, d/a Jabatan Talikom, Kuala Be-lait, Brunei kerana minta Su-rat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Kina binte Tahir yang telah meninggal dunia di-Kuala Be-lait dengan sebab ia-itu si-pe-mohon ia-lah suami kapada si-mati.

**No. 37/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Amit binte Marshal No. 192, Jalan Dato Shahbandar, Kuala Belait. Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada har-ta pesaka yang di-punyai oleh Pappu Vishwambaran @ Ali Mohamad yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri (balu) kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 30 haribulan Ogos, 1979, pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan me-nyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hen-dak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 14 haribulan Ogos, 1979.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.*

### THE REGISTRATION OF A BIRTH OR DEATH IN THE CONSULAR REGISTER

YOUR attention is drawn to the fact that the births and deaths of British Subjects, Citizens of the United Kingdom and Colonies can be registered at the High Commission.

This facility does not in any way affect the obli-gation under Brunei law to register births and deaths with the Registrar of Births and Deaths for the State of Brunei, but (provided citizenship is established) it does enable births and deaths to be registered with the Registrar General (St Catherine's House, Kingsway, London). In certain circumstances the registration of a birth can be of particular importance in preserving the child's claim to British nationality. Under the pro-visions of Section 5(1)(b) of the British Nationality Act 1948, registration of birth at a British consulate is essen-tial for the acquisition of citizenship of the United Kingdom and Colonies by children of the second and subsequent generations of United Kingdom citizens born abroad.

Further information can be obtained from the Consular Section of the High Commission, Room 44, 5th Floor, Hong Kong Bank Chambers, telephone 26001.

If you know of any other United Kingdom na-tionals resident in Brunei who might be interested in this note please be kind enough to draw it to their attention.

British High Commission
Bandar Seri Begawan
Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. TUKANG PELAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknik yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan

c) Mempunyai 4 tahun pengalaman dalam membuat pelan di-Pejabat Chartered Akitek atau Jurutera; dan

d) Mesti-lah terdiri dari saorang Tukang Pelan yang kemas, Teliti dan pantas, serta boleh menyediakan lukisan2 yang lengkap mengenai bangunan2 atau kejuruteraan dari rekaan2 dimensa.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU MAKMAL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman yang memuaskan dalam kerja2 Pembantu Makmal ia-itu sama ada dalam hal 'Microbiology atau Chemistry' atau teknoloji Konkret atau tanah.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb September, 1979.

(E/43/74 — Bil: 134/1979)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### SERIAL No. 39(AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 4th September, 1979 for the —

SUPPLY, INSTALLATION AND PREVENTIVE MAINTENANCE OF SPLIT TYPE ROOM UNITS IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation Maintenance of Split Type Room Units'.

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 25(V)/1979

TENDERS are invited to reach the Chairman, Tenders Board, the State Financial Officer, Brunei, Ground Floor, Government Offices up to 12.00 noon on Tuesday, 28th August, 1979 for the following:—

THE SUPPLY AND DELIVERY C.I.F. TO ELECTRICAL DEPARTMENT, BRUNEI THREE UNITS 2½ TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS, TWO UNITS 5 TO 6 TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND ONE UNIT FORK LIFT TRUCK

Tenders received after the above stated time will be rejected.

Specification and other information can be obtained from the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender documents are to be enclosed in a plain sealed envelope and addressed to the Tenders Board. The envelope is to be clearly marked:—

"THE SUPPLY AND DELIVERY TO THE ELECTRICAL DEPARTMENT, BRUNEI THREE UNITS 2½ TONS LONG WHEEL BASE TRUCK, TWO UNITS 5 TO 6 TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND ONE UNIT FORK LIFT TRUCK".

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 40(TL)/1979

1. TENDER will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Government Registered Contractors who have experience of cutting trees up to 12.00 noon on Tuesday 4th September, 1979 for the following :—

WAYLEAVE CLEARING OF 33,000 VOLTS/66,000 VOLTS OVERHEAD TRANSMISSION LINES

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders will be submitted in plain sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly:— "Tender for Wayleave Clearing of 33,000 Volts/66,000 Volts Overhead Transmission Lines".

4. The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

6. Tender documents can be obtained from the Office of the Engineer-in-Charge, Electrical Department, Kuala Belait.

### TENDER No. 41(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 4th September, 1979 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR LABORATORY BUILDING AT PUSAT LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA, BRUNEI (PHASE VI)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR LABORATORY LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA, BRUNEI (PHASE VI)".

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF TWO (2) UNITS FORKLIFT VEHICLES

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tender Board at the Office of the State Financial Officer Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to noon on Tuesday, 25th September, 1979 for :—

SUPPLY OF TWO (2) UNITS FORKLIFT VEHICLE

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope with no indication on the cover of the name of the tenderer. Envelopes are to be marked "Tender for Ports Department Forklift Vehicle".

4. Tenders must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the address shown above.

5. Tenders specification may be obtained from the office of the Controller of Ports, Ports Department, Muara Port, Brunei upon payment of $500.00 Tender Deposit refundable to all unsuccessful tenders, on receipt of a bona fide tenders.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Kursus Di-Pusat Latehan Teknikal

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in the following course at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara to commence in September, 1979:—

**Part-time Course (2 years)**

Welding Craft Practice (City and Gulids Course 165)

Attendance: 1 day per week.

Subjects : Welding Practice, Welding Theory, Mathematics, Drawing.

**Minimum entrance requirement:**

Reasonable proficiency in English. Applications are restricted to sponsored candidates only. Selection of applicants will be by means of test and interview.

Application forms are available from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, or from Education Department Head Office.

Applications should be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei not later than 18th August, 1979.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 133 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th September, 1979 : —

CONSTRUCTION OF FOOT-BRIDGE FOR SEKOLAH MELAYU DATO GODAM AT KAMPONG SUNGAI KEDAYAN "A", BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 135 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for :—

THE PROPOSED ADMINISTRATION BLOCK, WORKSHOP, GARAGES, CARPENTRY BLOCK, VEHICLES RAMP AT MILE 2, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI FOR MUNICIPAL DEPARTMENT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 136 OF 1979

FRESH Tenders will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF ROADSIDE KERBS AND DRAINAGE SYSTEM FOR THE PROPOSED IMPROVEMENT OF JALAN SEKOLAH/JALAN TASEK LAMA JUNCTION, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 137 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF CHAIN LINK FENCING AND CONCRETING TO GROUND FLOOR OF PENGHULU'S REST HOUSE, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 138 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF RELIGIOUS SCHOOL OF 10 CLASSROOMS AND ONE TOILET BLOCK ETC. AT SALAMBIGAR, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 139 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

SUPPLY OF MOSQUITO NETS, KAPOK MATTRESSES KAPOK PILLOWS FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 140 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

SUPPLY OF GAS COOKERS TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 141 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF BUS BAYS ALONG JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 142 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th September, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF 5 BLOCKS CLASS "F" FLATS AT OLD AIRPORT ROAD BRUNEI (PHASE I).

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 143 OF 1979

TENDER will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th September 1979 for : —

SUPPLY OF 3 BOATS FOR WATER WORKS P.W.D., BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Groundfloor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12 00 noon on Tuesday 9th October 1979 for the construction and completion of :

DEPARTMENT OF SECURITY & INTELLIGENCE BANGAR BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular reference PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $200,000.00, or 10% of the submitted tender, whichever is the greater. This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the Tender.

3. Tender documents can be examined and obtained from the office of the Architects :

Booty Edwards Dan Rakan2 Akitek
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei.

from Monday 10th September 1979 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good conditon.

5. Tenders shall be submitted on the form of Tender and enclosed in envelope provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Goverment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Groundfloor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12 00 noon on Tuesday 9th October 1979 for the construction and completion of :

DEPARTMENT OF SECURITY & INTELLIGENCE TUTONG BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular reference PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $200,000.00, or 10% of the submitted tender, whichever is the greater This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the Tender.

3. Tender documents can be examined and obtained from the office of the Architects :

Booty Edwards Dan Rakan2 Akitek
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei.

from Monday 10th September 1979 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good conditon.

5. Tenders shall be submitted on the form of Tender and enclosed in envelope provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Goverment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI AHLI BOMBA PELATEH

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
b) Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inchi.
c) Dada — sekurang2-nya 34 inchi.
d) Pelajaran — sa-orang pemohon yang hendak masok berkhidmat dalam jawatan tersebut di-atas hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding di-Sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

**Kesihatan :**

Pemohon2 hendak-lah tidak memakai kacha mata dan mesti-lah mempunyai badan yang sehat dan tegap dan mendapat kelulusan pepereksaan kesihatan yang di-buat oleh Pegawai Perubatan dan Kesihatan Kerajaan.

**Menjalankan Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya apa-bila di-daftarkan ada-lah di-hendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

**Gaji :**

Mulai dari $325.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskan chalon2 yang di-pileh akan di-naikkan menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sa-banyak $425.00 sa-bulan dalam sukatan gaji P.1 — $425-431-438-444-450-456-463-469/ EB /475-481-494-500-506. Alaon 'P' sa-banyak $100.00 sa-bulan.

**Tempat Kumpolan**

**Pengambilan :**

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Muara, Bandar Seri Begawan, Seria/Kuala Belait dan Tutong saperti berikut:—

a) Pemohon2 dari Muara ada-lah di-minta hadhir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Muara pada masa hari bekerja pada hari Isnin 17hb September, 1979.
b) Pemohon2 dari Bandar Seri Begawan ada-lah di-minta hadhir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Bandar Seri Begawan pada masa hari bekerja pada hari Rabu 19hb September, 1979.
c) Pemohon2 dari Seria dan Kuala Belait ada-lah di-minta hadhir di-tempat pengambilan orang2 baru Balai Bomba Seria pada masa hari bekerja pada hari Khamis 20hb September, 1979.
d) Pemohon2 dari Daerah Tutong ada-lah di-minta hadhir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Tutong pada hari bekerja pada hari Sabtu 22hb September, 1979.

Pemohon2 yang suka mendaftarkan nama2 mereka terlebeh awal boleh-lah mulai dari sekarang berhubong dengan Balai2 Bomba yang berdekatan dengan memberikan alamat2 dan butir2 bagi kelulusan persekolahan mereka dan sa-bagai-nya tidak lewat dari tarikh 15hb September, 1979, yang mana pemohon2 tersebut akan di-beri jawapan dengan bersurat untok di-temu duga pada tarikh2 pengambilan di-daerah2 yang berkenaan. Lain2 pemohon yang tidak mendaftarkan nama2 mereka terdahulu boleh-lah datang terus ka-tempat2 pengambilan yang tersebut di-atas pada tarikh2 dan jam2 yang di-tentukan.

Chalon2 hendak-lah di-kehendaki membawa bersama mereka sijil2 beranak, sijil2 pelajaran dan kad2 pengenalan mereka sa-masa menghadhiri pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki saperti yang tersebut di-atas di-minta menghadhiri kumpolan tersebut.

**Ujian Bertulis :**

Chalon2 yang lulus ujian permulaan akan di-uji dengan bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian itu tidak akan di-sokong untok jawatan tersebut.

(E/29/62/3—Bil: 133/1979)

### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT

TENDERS are invited for the following work:—

Construction of reinforced concrete foundations for a 250 feet high radio tower at Mumong Telephone Exchange.

Tender documents and particulars can be obtained from the Crown Agents, 47 Britannia House, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.

Bids must be addressed to:—
The Chairman
Tenders Board
State Secretariat Building
Bandar Seri Begawan
and be delivered to that address by 12.00 noon, Saturday, August 18th.

## Sa-bagai Juru Ekopertanian

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Juru Ekopertanian di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah berumor antara 30 hingga 40 tahun, mempunyai ijazah atau ijazah lanjutan Agricultural Crop Science atau Agronomy dan berpengalaman tidak kurang dari tujoh tahun di-bidang pertanian tropika khusus-nya mengenai dengan tanaman padi bendang dan padi bukit, rumput dan/atau pokok2 buahan. Chalon2 hendak-lah mempunyai lesen memandu. Kebolehan bertutor dalam bahasa Melayu ada-lah satu kelebehan. Chalon2 yang di-lantek akan bertanggong-jawab, sa-bagai sa-lah sa-orang anggota kumpolan yang kechil, kapada pakar agronomi negeri bagi kerja2 penyelidikan dalam bidang-nya dan seterus-nya untok menyediakan bahan2 bagi kegunaan kakitangan2 perkembangan pertanian.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Oktober, 1979.

(E/893/73 — Bil: 137/1979)

## PRISONS DEPARTMENT, BRUNEI TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman of the Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 10th September, 1979.

2. The supply of rations to Rumah Penjara Jerudong from 1st November, 1979 to 31st October, 1980.

3. Tenders received after 4.00 p.m. on 10th September, 1979 will be rejected.

| | | |
|---|---|---|
| Rice 3A | Per | kati |
| Salt | ,, | ,, |
| Coconut Oil | ,, | ,, |
| Bean Oil (M. Kachang) | ,, | ,, |
| Curry Stuff | ,, | ,, |
| Fresh Meat | ,, | ,, |
| Fresh Fish (No. 1 and 2) | ,, | ,, |
| Salted Fish | ,, | ,, |
| Green Leafy Vegetables (Kachang, Bayam, Sawi etc.) | ,, | ,, |
| Non-leafy Vegetables | ,, | ,, |
| Liver, Kidney or Heart | ,, | ,, |
| Kachang Hijau, Beans or Pulses | ,, | ,, |
| Bread | ,, | ,, |
| Fresh Fruits In Season | ,, | ,, |
| Tea | ,, | ,, |
| Coffee | ,, | ,, |
| Sugar | ,, | ,, |
| Jam | ,, | ,, |
| Sarikaya | ,, | ,, |
| Butter | ,, | ,, |
| Ghee or Dripping | ,, | ,, |
| Milk (Milkmaid Sweetened) | ,, | ,, |
| Margarine | ,, | ,, |
| Cheese | ,, | ,, |
| Egg | ,, | Egg |
| Crackers or Biscuits | ,, | kati |
| Potatoes | ,, | ,, |
| Cocoa | ,, | ,, |
| Onions | ,, | ,, |
| Wheat Flour | , | ,, |
| Milk (Liquid) | ,, | ,, |
| Cigarettes (Rothmans or State Express '555' 10 Sticks) | ,, | packet |
| Matches | ,, | ,, |

5. The quality of goods supplied must be the satisfaction of the Superintendent of Prisons and his Officer-in-Charge of Rumah Penjara, Brunei if not to their satisfaction then goods may be returned to the contractor and replaced by their equivalent or better at the original prices.

6. All articles must reach the Rumah Penjara Jerudong not later than 7.30 a.m. daily.

7. The contract may be terminated by either side giving two months' notice in writing.

8. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderers. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

9. The envelope must be clearly state and the wording should read "TENDERS FOR PRISON RATIONS".

10. Tenders deposit will be $100.00.

11. Government does not bind itself to accept the lowest or any tenders.

## Tawaran barang2 mentah

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan bagi tahun 1980.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1980' sahaja, tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram sa-banyak $100.00 bagi tawaran tersebut hendak-lah di-bayar kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan Tingkat Pertama, Bilek No. 202 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka hingga pada 20hb September, 1979 jam 3.00 petang.

4. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran tidak lewat pada 22hb September, 1979 dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya di-jangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb Januari, hingga 31hb Disember, 1980.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang lebeh murah atau seumpamanya.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga 1.00 peang hari Selasa 4hb Sepember, 1979 bagi kebenaran membuka kedai2 Pajak Gadai sa-lama satu tahun mulai dari 1hb Januari, 1980 saperti berikut :—

Bandar Seri Begawan — dua buah
Kuala Belait — sa-buah
Pekan Tutong — sa-buah
Bangar — sa-buah
Seria — sa-buah

2. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas masa yang di-tetapkan di-atas akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan dalam sarong surat yang bertutop. Sa-barang kenyataan mengenai nama penawar tidak boleh di-tulis di-luar sarong surat itu.

4. Sarong2 surat hendak-lah di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, dan mesti-lah di-tulis dengan terang di-kepala sarong2 surat itu dengan perkataan "TAWARAN BAGI KEDAI PAJAK GADAI".

5. Sa-barang tawaran yang di-terima dengan alamat2 yang tidak semporna akan di-tolak.

6. Tiap2 tawaran mesti-lah menyatakan dengan terang tentang sewa bulanan yang penawar itu sanggup membayar dan menjelaskan satu persatu, dengan sa-penoh-nya nama dan tempat tinggal dan pekerjaan orang yang membuat tawaran; dalam perkara Sharikat pula, mesti-lah menyebutkan nama dan alamat tiap2 kongsi (Partner) dan juga nama serta chop Sharikat itu. Butir2 mengenai tempat2 yang akan di-gunakan bagi menjalankan perniagaan itu hendak-lah juga di-sebutkan.

7. Penawar2 yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan jaminan (security) yang memuaskan Sultan dalam Majlis Mashuarat. Sewa hendak-lah di-bayar sechara bulanan dan bayaran pendahuluan selama sa-bulan hendak-lah di-bayar terlebeh dahulu pada tiap2 awal bulan.

8. Lisen2 akan di-keluarkan dan tertaalok kapada sharat2 di-dalam Undang2 Pajak Gadai 1919, dan segala peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya. Buku2 dan tiket2 pajakan yang di-buat di-atas borang2 yang di-khaskan hendak-lah di-tulis dengan tulisan rumi.

9. Tawaran yang kurang dari $75.00 sa-bulan bagi kedua2 buah kedai di-Bandar Seri Begawan tidak akan di-pertimbangkan.

10. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran yang sa-habis tinggi atau sa-barang tawaran.

### TENDER NOTICE

TENDERS will be received by The Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, ground floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 1.00 pm on Tuesday, 4th September, 1979 for the right to open pawnshops for the period of one year from 1st January, 1980 as follows:—

Bandar Seri Begawan — Two pawnshops
Kuala Belait — One pawnshop
Tutong Town — One pawnshop
Bangar — One pawnshop
Seria — One pawnshop

2. Tenders received after this time will be rejected.

3. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, and must be clearly stated on the top of the envelope with the words "PAWNSHOP TENDER".

5. Any tenders received in envelopes not properly addressed will be rejected.

6. Each tender must state clearly the monthly rent which the tenderer is willing to pay, and must specify, in full, the name, residence and occupation of the person tendering, and in the case of firms, the name and address of each partner, and the name of "Chop" of the firm. Particulars must also be given of the premises intended to be used for the carrying on of the pawnbroking business.

7. Successful tenderers will be required to furnish security to the satisfaction of the Sultan in Council. Rent will be payable monthly in advance on the first of every month.

8. Licences will be issued subject to the provisions of the Pawnbrokers Enactment, 1919, and the rules made thereunder. and the rules made thereunder. prescribed forms are required to be kept in Romanised Malay.

9. In respect of the two shops at Bandar Seri Begawan no tender of under $75.00 a month will be considered.

10. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

### TENDER NOTICE

**"SUPPLY AND INSTALLATION LAUNDRY EQUIPMENT NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN"**

REGISTERED Specialist firms and suppliers of Laundry Equipment are invited to submit tender for the complete supply and installation of Laundry Equipment for the New General Hospital, Bandar Seri Begawan.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 20th August, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $1,000.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begewan, Brunei not later than 12.00 noon, 9th October, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in plain sealed envelope marked:—TENDER FOR "LAUNDRY EQUIPMENT FOR NEW GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN."

Our clients, The Government of Brunei do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**SWIMMING POOL FILTRATION SYSTEM, FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI**

REGISTERED Specialist Contractor and Pool Equipment Supplier are invited to submit tender for the complete supply and installation of Swimming Pool Filtration System, Flotilla Base, Muara, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 20th August, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 25th September, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in plain sealed envelope marked: — TENDER FOR SWIMMING POOL FILTRATION SYSTEM, FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI.

Our clients, The Government of Brunei do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# HARGA TAMBANG HAJI DAN BANK DRAFT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini hari ini mengumomkan harga tambang untok menunaikan fardhu haji tahun ini dengan menggunakan kapalterbang telah di-tentukan saperti berikut:

Bagi orang2 dewasa sa-jumlah $2,425.; kanak-kanak berumor dua hingga 12 tahun ia-lah $2,250. dan kanak-kanak berumor dua tahun ka-bawah $250.00.

Menurut pengumoman itu lagi pembayaran jelas bagi tambang2 berkenaan bagi bakal2 haji di-Daerah Brunei dan Muara yang mempunyai bilangan pendaftaran 1 hingga 200 dan 201 hingga 400 telah pun menjelaskan-nya pada 20hb dan 21hb Ogos lepas.

Oleh yang demikian kapada bakal2 haji Daerah Brunei dan Muara yang berdaftar dari angka 401 hingga 600 ada-lah dikehendaki supaya berbuat demikian hari ini 22hb Ogos dan esok 23hb Ogos bagi mereka yang berdaftar dari bilangan 601 hingga 725.

Bagi bakal2 haji di-tiga daerah Belait, Tutong dan Temburong penjelasan bayaran tambang hendak-lah juga di-lakukan pada hari ini, 22hb dan esok 23hb Ogos.

Pada 28hb Ogos pula pembayaran hanya boleh di-buat bagi semua bakal haji yang tidak sempat berbuat demikian pada tarikh2 yang telah di-tetapkan itu. Semua pembayaran tambang dan bank draft tahun ini hendak-lah di-buat di-Bangunan Hong Kong and Shanghai Bank, tingkat satu, Bandar Seri Begawan.

Menurut pengumoman itu lagi bakal2 haji juga ada-lah di-kehendaki mempunyai bank2 draft yang sama nilai-nya ia-itu, bagi orang dewasa sa-jumlah 2,911.00 Rial dan kanak-kanak yang berumor 15 tahun ka-bawah sajumlah 1,455.5 Rial.

"Bank draft dan juga paspot bakal2 haji hendak-lah di-serahkan ka-Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 31hb Ogos (Jumaat) ini pada bila2 masa bekerja", tambah pengumoman itu.

Semua penerangan lanjut mengenai perkara yang di-umomkan itu boleh di-dapati dari Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ugama ibu negeri pada waktu2 pejabat di-buka.

## "Islam menyatu-padukan umat manusia"

Dari muka 1

Terdahulu sa-belum itu uchapan alu2an juga telah di-sampaikan oleh Pengerusi pertandingan, Pengiran Sabtu bin Pengiran Othman.

Pertandingan yang di-kelolakan oleh Jabatan Laut itu telah di-sertai oleh sa-ramai 16 orang peserta lelaki yang mewakili dari lapan buah jabatan2 kerajaan yang beruniform di-negeri ini.

Johan pertandingan tersebut telah di-sandang oleh bekas johan tahun 1977, Awang Kamis bin Nasir dari Jabatan Pulis Diraja Brunei, tempat kedua telah di-menangi oleh Awang Ibrahim bin Ahmad dan pemenang ketiga ia-lah Awang Haji Seruddin bin Haji Mohammad kedua2-nya dari Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei, manakala johan dalam kumpolan telah di-menangi oleh Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei.

Turut menyerikan lagi majlis pertandingan pada malam itu termasok-lah persembahan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Md. Yusof bin Abu Bakar, johan qari perengkat sa-negeri 1978 dan persembahan2 nashid dari Kumpolan Nashid Nurol Hayat dari Jabatan Laut dan kumpolan nashid dari Jabatan Kastam Diraja.

Thema pertandingan membacha Al-Kor'an pada tahun ini ia-lah "ISLAM MENYATU-PADUKAN UMAT MANUSIA".

Hadiah2 kapada pemenang dan peserta telah juga di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di-akhir pertandingan tersebut.

Antara yang hadhir menyaksikan peraduan tersebut bersama-sama lebeh 500 orang jemputan di-pertandingan itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Tambang Layaran Laila Diraja Dato Seri Laila Jasa Awang Jack Turner.



KELIHATAN dalam gambar pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama (sebelah kiri ketika berbinchang dengan wakil Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom (sebelahkanan) — Gambar JHEU.

## Terima kaseh dari penuntut2 UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom termasok Yang Dipertuanya, Awang Bujang bin Haji Masud dan empat orang yang lain, pada hari Selasa minggu lalu telah berkunjong ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Awang Bujang yang berchakap selaku Yang Dipertua Persatuan itu telah melahirkan penghargaan yang sa-tinggi2-nya bagi pehak persatuan mengenai langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melantek sa-orang guru ugama untok berkhidmat kapada penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Kelima-lima orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi itu juga telah membinchangkan dengan Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama mengenai langkah2 dan kerjasama yang boleh di-hulorkan nanti oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom kapada guru ugama tersebut.

## Rombongan Brunei juga di-raikan

Dari muka 1

Pada hari Selasa, 14hb Ogos rombongan tersebut telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pembangunan Negara Enchik Teh Cheang Wan di-Penthouse Negara.

Berbagai aspek kegiatan kementerian itu dan beberapa badan di-bawah pentadbiran-nya telah di-jelaskan pada rombongan Brunei itu oleh Pemangku Ketua Peranchangan Enchik Lam Kwok Weng.

Dalam pertemuan tersebut rombongan Brunei telah menunjokkan minat yang mendalam terhadap ranchangan pembangunan Singapura menerusi beberapa pertanyaan yang di-kemukakan kapada Enchik Teh.

Satu dari beberapa aspek pembangunan yang di-jalankan oleh kementerian itu yang mendapat perhatian rombongan ia-lah tentang pembenaan estet2 perumahan serta pembangunan perdagangan di-kawasan perbandaran.

Sa-telah pertemuan di-Kementerian Pembangunan Negara rombongan Brunei itu telah sempat mengadakan perjumpaan dengan Pengurus Agong Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) Enchik Au Eng Kok.

Manakala di-sebelah petangnya, Yang Teramat Berhormat dan rombongan telah membuat lawatan pula ka-Kompleks Penyelidekan Perikanan Changi serta melawat Kompleks Jabatan Hasil Kampong.

Sa-telah berada beberapa hari dalam lawatan ka-republik itu, rombongan Brunei itu telah meraikan pegawai2 kanan tempatan dan lain2 kenamaan Singapura pada malam Selasa 14hb Ogos.

Pada hari Rabu, 15hb Ogos rombongan tersebut telah melanjutkan kunjongan mereka ka-Sekolah Budak Lelaki Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) dan seterus-nya membuat perjumpaan dengan Menteri Negara Kanan (Hal Ehwal Luar) Enchik S. Dhanabalan di-Dewan Bandaraya, manakala sebelah malam-nya Enchik S. Dhanabalan telah meraikan rombongan tersebut dengan satu majlis jamuan.

Juga pada hari Khamis, 16hb Ogos, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa dan rombongan telah mengadakan lawatan dan perbinchangan dengan Ketua Perkhidmatan Awam dan Setia Usaha Tetap (Pembangunan) Singapura, Enchik Sim Kee Boon.

Manakala pada sebelah malam-nya, YTB Pehin dan rombongan telah juga di-raikan dalam satu majlis yang di-berikan oleh Menteri Pertahanan Enchik Howe Yoon Chong di-Penthouse.

Kepulangan YTB Pehin Isa dan rombongan pada petang Jumaat 17hb Ogos di-Lapangan Terbang Antarabangsa telah di-sambut oleh beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Mengiringi dalam rombongan tersebut ia-lah Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman; Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad; Pengarah Kerja Raya, Dato Seri Laila Jasa Haji Talib; Pembantu Khas di-Pejabat Penasehat Umom, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail.

## Kembali ka-Rahmatullah

YANG Amat Mulia Pengiran Paduka Indera Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammad telah kembali ka-rahmatullah pada 13hb Ogos, 1979 dan selamat di-makamkan di-Permakaman Diraja pada hari berikut-nya ia-itu 14hb Ogos, 1979, dengan penoh istiadat kebesaran Diraja.

Allahyarham Pengiran Paduka Indera kembali ka-rahmatullah minggu lalu dalam usia 87 tahun. Yang Amat Mulia itu di-sampiri gelaran cheteria pada 4hb Dzulhijjah, 1394 bersamaan 19hb Disember, 1974.

Yang Amat Mulia berkhidmat dengan Kerajaan Brunei dalam tiga penggal, ia-itu sa-belum perang dunia kedua, sa-lepas perang kemudian bersara dan di-ambil bekerja sa-mula bergaji sa-bulan ka-sa-bulan (sa-bagai tukang kayu yang mahir).

Mudah2an Allah menchuchori rahmat ka-atas roh-nya dan terkumpol dalam golongan hamba2 Allah yang salehen.



Allahyarham Pengiran Paduka Indera Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammad.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.